

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 13

Hari Selasa

15 April 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 3)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan 36)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 1997 (Ruangan 36)

Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997 (Ruangan 108)

PARLIMEN KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Ketiga

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,
D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S.,
S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok,
P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato'
(Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul
Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN RAKYAT

Selasa, 15hb. April, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

TABUNG PERUMAHAN KOS RENDAH - PELAKSANAAN

1. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang cadangan bagi memulakan Tabung Perumahan Kos Rendah bernilai RM600 juta. Apakah rancangan kerajaan untuk melaksanakan cadangan tersebut. Jika ya, bolehkah kementerian memberi butir-butir mengenai tabung tersebut. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Perumahan Kos Rendah sebanyak RM600 juta telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan pada 31hb. Oktober, 1993. Tabung ini diwujudkan bertujuan untuk membina rumah pangsa kos rendah untuk disewa kepada golongan miskin dan setinggan di bandar-bandar utama yang mengalami masalah perumahan yang mendesak.

Sumbangan kepada tabung ini adalah seperti berikut:

Kerajaan Persekutuan	-	RM150 juta
Bank Negara Malaysia	-	RM150 juta
Sektor swasta	-	RM300 juta

Bank Negara Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk mengawalselia pengurusan tabung ini. Sebuah jawatankuasa pengurusan dana sebanyak RM600 juta itu telah ditubuhkan bagi memproses permohonan yang diterima daripada kerajaan-kerajaan

negeri, agensi-agensi kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk membina rumah-rumah pangsa untuk disewa.

Peruntukan diberi dalam bentuk geran kepada kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang menyediakan tanah untuk melaksanakan projek-projek tersebut. Rumah-rumah yang dibina akan disewa kepada golongan berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan untuk tempoh selama 5 tahun dengan kadar sewa antara RM120 hingga RM124 sebulan.

Sehingga Mac 1997 sejumlah 27 projek mengandungi 14,721 unit rumah pangsa kos rendah telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM565.71 juta. Kemajuan pelaksanaan projek keseluruhannya adalah seperti berikut:

Peringkat tender	-	3 projek
Dalam pembinaan	-	20 projek
Sudah siap	-	4 projek

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita menjangka bahawa semua masalah setinggan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur akan diselesaikan sebelum tahun 2000. Soalan saya ialah selain daripada tabung itu, apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan supaya Kuala Lumpur akan menjadi lebih maju dan tersusun?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, memang hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk cuba menyelesaikan masalah setinggan terutamanya di Lembah Kelang ini. Satu jawatankuasa khas sudah ditubuh di peringkat antara agensi-agensi yang berkaitan dengan masalah ini, iaitu agensi-agensi pihak berkuasa tempatan seperti Bandaraya dan juga

agensi tanah, agensi kerajaan negeri dan juga pihak Treasury supaya satu tindakan yang menyeluruh boleh diambil, di mana pihak setinggan-setinggan khasnya yang menduduki pinggir-pinggir sungai boleh dipindah ke kawasan-kawasan yang lebih selamat. Pada keseluruhannya jawatankuasa ini ingin cuba menyelesaikan masalah setinggan yang lain di tempat-tempat di mana ada kawasan-kawasan setinggan di Lembah Kelang ini. Apabila perkara ini sudah diselesaikan, maka tindakan lanjut ialah ke negeri yang lain di mana setinggan-setinggan di negeri-negeri yang lain pun akan ditempatkan semula.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bukankah Tabung Perumahan Kos Rendah ini sudah ditingkatkan daripada RM600 kepada RM2 bilion dan daripada angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sangat jelas bahawa sungguhpun tabung ini ada dilancarkan 6 bulan dahulu, tetapi kemajuannya sangat kecil - 4 projek sahaja yang siap, jadi berapakah unit ini? Bukankah ini sangat mustahak khasnya kerajaan sekarang mahu memansuhkan Akta Kawalan Sewa, di mana di dalam masa 27 bulan antara 1hb. September, 1997 kepada akhir tahun 1999 sebanyak 36,000, rent controled, semua dikontrol, bukannya ini menunjukkan dengan prestasi tabung ini selama 6 bulan hanya 4 projek sahaja yang siap. Jadi, satu masa yang panjang perlu untuk transition bagi pemansuhan Rent Control Act, mungkin perlu bukan sahaja 27 bulan, tetapi 5 tahun, bolehkah kerajaan timbangkan perkara ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebut tadi, iaitu tabung khas yang ditubuhkan untuk membina rumah pangsa dan rumah pangsa ini kemudian disewakan kepada pihak-pihak yang layak. Selain daripada itu memang ada dua tabung yang lain lagi merangkumi RM1 bilion. Satu.

Kedua, satu dana sebanyak RM500 juta iaitu tabung yang sekarang sudah ditubuhkan dan dilaksanakan ialah sejumlah RM2.1 bilion. Semua ini akan ditujukan

kepada usaha-usaha untuk menambahkan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana di seluruh negara. Apabila keseluruhan projek yang merangkumi dalam tabung ini disediakan nanti, kita yakin masalah-masalah seperti pihak-pihak yang berpendapatan rendah itu akan mendapat peluang untuk membeli rumah atau menyewa rumah.

Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi berkaitan dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa itu, saya rasa tidak ada kena-mengena, kerana kita yakin dengan pembinaan-pembinaan rumah kos rendah yang saya sebut tadi, ia dirangkumi dalam tabung-tabung itu. Kita memang cukup rumah untuk pihak-pihak yang ingin membeli atau menyewa rumah. Kalau ada masalah juga tentang pemansuhan Akta Kawalan Sewa itu, saya rasa pihak negeri-negeri yang berkenaan seumpamanya negeri Pulau Pinang, hanya dalam tabung yang saya sebut tadi, iaitu untuk rumah pangsa yang disewa, pihak negeri Pulau Pinang telah merancang 1,441 unit rumah ini untuk disewa.

Saya rasa apabila ia disiapkan dan diurus dengan baik, kita tidak akan menghadapi apa-apa masalah berkaitan dengan penduduk-penduduk yang sekarang terbabit dalam Akta Kawalan Sewa itu. Saya rasa apa yang saya sebutkan tadi kita tidak rasa itu akan menjadi satu masalah yang rumit.

SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) - MUTU PERKHIDMATAN

2. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar] minta Menteri Pengangkutan menyatakan dengan terperinci masalah-masalah yang dihadapi oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang menyebabkan mutu perkhidmatannya menurun dan menjejaskan imej negara dan apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS) menurun dan menjejaskan imej negara. Bagaimanapun, adalah benar

pembangunan ekonomi yang pesat dan perkembangan industri pengangkutan udara sejak beberapa tahun yang lalu telah terjejas sedikit perkhidmatan tertentu penerbangan MAS. Dalam perkara ini, Kementerian Pengangkutan dari masa ke semasa selalu memberi maklum balas mengenai perkhidmatan MAS dan sukacita juga saya ingin memberitahu iaitu MAS adalah cekap dan selalu dengan pantasnya respon kepada maklum balas yang diberikan oleh kementerian dan segala masalah selalunya diambil berat oleh MAS.

Untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, MAS sememangnya telah dan bercadang mengambil langkah-langkah dalam usaha meningkatkan lagi perkhidmatannya setanding dengan syarikat-syarikat penerbangan terkemuka asing dan langkah-langkah adalah seperti berikut:-

- (i) mengkaji keperluan tenaga manusia berdasarkan operasi yang dirancang dari masa ke semasa;
- (ii) menambah frekuensi ke destinasi yang sedia ada;
- (iii) mengadakan perkhidmatan ke destinasi-destinasi baru;
- (iv) mengintegrasikan perkhidmatan-perkhidmatan domestik dan antarabangsa;
- (v) menggunakan kapal terbang-kapal terbang yang lebih besar (wide body jet) di laluan-laluan domestik dan serantau; dan
- (vi) membeli 10 buah pesawat Boeing 747-400 dan 15 buah pesawat B 737 baru-baru ini.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, persaingan membawa kemajuan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagi mencapai beberapa matlamat seperti tambang penerbangan yang rendah, apa yang saya minta ialah perkhidmatan penerbangan domestik antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung bagi

mencapai tambang yang lebih rendah, memupuk semangat integriti rakyat antara Malaysia Timur dan Barat ini dan juga meningkatkan prestasi penerbangan dan mengelakkan monopoli MAS selama ini, maka apakah alasan dan mengapa pihak kerajaan tidak membenarkan lebih syarikat penerbangan, selain daripada MAS, untuk beroperasi antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak. Sungguhpun setakat ini ada syarikat penerbangan yang lain, yang lebih kecil daripada MAS.....

Beberapa Ahli: Soalan!

Tuan Tan Kok Wai:.....dibenarkan charter flight masih ini tidak mencukupi. Dan jikalau syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan charter flight ini boleh mengenakan tambang yang lebih rendah lagi daripada MAS, mengapakah MAS tidak boleh berbuat demikian?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat macam tidak mengikut maklumat yang terkini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya tambang penerbangan MAS dalam sektor domestik pada keseluruhannya adalah amat kompetitif dan boleh dikatakan rendah juga.

Bagi soalan mengenai sebab apa kerajaan tidak membenarkan syarikat penerbangan lain untuk mengadakan penerbangan ke Sabah/Sarawak, ingin saya memberitahu iaitu selain daripada MAS, kita dapat melihat iaitu TransMal walaupun sebuah penerbangan kargo dapat mengadakan penerbangan ke Sabah/Sarawak secara charter. Selain daripada TransMal, kita juga dapat melihat Air Asia sebagai sebuah syarikat penerbangan nasional yang kedua juga dapat mengadakan penerbangan berjadual domestik ke Kota Kinabalu dan tidak lama lagi kerajaan akan membenarkan mereka

untuk memperluaskan perkhidmatan penerbangan Air Asia tidak lama lagi, tetapi buat masa ini kita masih dalam setakat rundingan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui hakikat bahawa MAS adalah satu penerbangan yang berwibawa. Dalam hal ini, dalam konteks antara negara, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa sekarang ini terjadi kegiatan-kegiatan yang boleh disifatkan sebagai mensabotaj MAS?

Saya menerima sepucuk surat dari seorang yang telah pun membeli tiket MAS di San Francisco dan orang ini adalah daripada Singapura yang mengatakan apabila beliau check-in untuk menaiki pesawat yang ditempah, didapati bahawa tiket itu dikatakan oleh pihak ejen MAS di Los Angeles adalah tiket yang palsu. Surat ini adalah simpanan saya dan mungkin akan saya serahkan. Jadi, adakah pihak kerajaan cuba mengesan sama ada wujud elemen-elemen antarabangsa ataupun dalaman yang cuba mensabotaj operasi MAS supaya terjejas wibawa penerbangan MAS itu?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkhidmatan MAS di sektor penerbangan sama ada domestik ataupun antarabangsa begitu berjaya menarik pelanggan-pelanggan, khususnya pelancong-pelancong dari Amerika Syarikat sekarang kita dapat melihat. Maka tidak hairanlah ada juga setengah-setengah pihak yang cuba menjalankan kerja-kerja sabotaj untuk menjejaskan imej MAS di mata dunia antarabangsa. Tetapi walau bagaimanapun, pihak MAS senantiasa berwaspada tentang perkara ini dan MAS juga mempunyai satu kumpulan pegawai-pegawai tinggi yang selalu mengambil kira ataupun mengambil berat apa yang berlaku tentang imej MAS dan dengan secara tidak langsung juga ialah imej negara kita.

Walau bagaimanapun, mengenai perkara tertentu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya harap beliau dapat menyerahkan surat itu kepada saya supaya ini dapat diserahkan kepada MAS untuk siasatan selanjutnya.

KAWASAN SIMPANAN HIDUPAN LIAR - BILANGAN

3. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kawasan simpanan hidupan liar di negara. Berapa kawasan telah tidak diwartakan. Sila sebutkan satu per satu. Dalam usaha untuk menyeimbangkan pembangunan dengan alam sekitar, bagaimana beliau memelihara kawasan-kawasan tersebut. Apakah keberkesanannya. Apakah masalah yang dihadapi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini bilangan kawasan simpanan atau kawasan perlindungan hidupan liar di negara ini ialah 64 buah kawasan. Manakala jumlah kawasan perlindungan hidupan liar yang belum diwartakan lagi ialah 30 buah kawasan dan kawasan-kawasan ini adalah seperti berikut, kerana ianya diminta untuk disebutkan secara detail satu per satu, maka saya kena sebut:-

Bil.	Kawasan/Negeri
1.	Perak: Belum
2.	Grik
3.	Segari
4.	Kuala Gula
5.	Gunung Tempurung
6.	Pahang: Tasek Bera
7.	Terengganu: Hulu Terengganu
8.	Pulau Redang
9.	Kedah: Hulu Muda
10.	Pulau Pinang: Batu Feringgi
	Kelantan:

11.	Sungai Nenggiri
	Sarawak:
12.	Santubong
13.	Pulong Tan
14.	Hose Mountain
15.	Usun Apau
16.	Pulau Bruit
17.	Pelagus
18.	Gunung Mulu
19.	Bako
20.	Talang Satang
21.	Kubah
22.	Niah
23.	Kalam Buku
24.	Sibuti
25.	Lanjak Entimau
26.	Sammunsam
27.	Limbang Mangrove
28.	Batu Laga
29.	Maludam
	Sabah:
30.	Padang Teratak Beaufort

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menyeimbangkan pembangunan dengan alam sekitar, cara yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk melindungi kawasan perlindungan hidupan liar dan keberkesannya adalah seperti berikut:-

- (i) meningkatkan keupayaan agensi yang menguruskan kawasan perlindungan dari segi menyediakan kakitangan yang cukup dan mahir serta diberi latihan di luar negeri;
- (ii) melaksanakan perundangan yang efektif seperti Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972;
- (iii) menjalankan penyelidikan dan program pemuliharaan dari semasa ke semasa seperti inventori fauna dan flora;

- (iv) meningkatkan kempen kesedaran di kalangan orang ramai melalui penyediaan pusat interpretif, ceramah dan program perkembangan;
- (v) meningkatkan kerjasama pengurusan, penyelidikan dan pembangunan hidupan liar dengan negara-negara luar dan badan-badan bukan kerajaan (non-governmental organisations, NGOs); dan
- (vi) menyediakan peruntukan kewangan yang cukup untuk menguruskan kawasan perlindungan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di antara masalah-masalah yang dihadapi adalah seperti berikut:-

- (i) kekurangan tenaga mahir;
- (ii) ketiadaan sempadan rizab yang jelas di mana usaha-usaha untuk mengukur dan meletakkan batu sempadan memerlukan perbelanjaan yang banyak serta memakan masa yang lama;
- (iii) pencerobohan ke dalam rizab khususnya oleh penduduk-penduduk tempatan untuk mencari hasil hutan; dan
- (iv) peng wartaan yang bertindih iaitu kawasan yang sama juga di warta untuk tujuan lain yang menyebabkan penggunaan tanah yang berlainan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sedar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah memberi jawapan yang agak panjang juga dan saya akan berasa gembira kalau beliau dapat menjawab soalan tambahan. Saya membuat mukadimah ini kerana tiap-tiap kali ada soalan tambahan, dia tambah dengan satu, dua perkataan dan duduk. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mungkin di Hulu Terengganu boleh diterima tetapi di Dewan Rakyat tidak boleh.....[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah kita nampak ada enam langkah yang diambil untuk perlindungan dan ada empat masalah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan sama ada pihak kerajaan hendak meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar dan juga Akta Taman Negara untuk menyelesaikan masalah-masalah yang disebutkan tadi. Dan juga bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa di banyak tempat, terutamanya di Selangor hampir 50% atau 60% daripada hutan-hutan simpanan dikeluarkan daripada warta supaya wujudnya pembangunan. Walaupun kita sedar, kita mesti adakan keseimbangan di antara perlindungan ke atas hidupan liar dan pemeliharaan manusia sendiri, tetapi mengapa kita membiarkan tanah-tanah simpanan ini dikeluarkan daripada warta untuk pembangunan tanpa mengira semua faktor.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Misalnya, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sedikit sahaja, Pantai Aji.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Yang Berhormat, diminta jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah hendak dipinda undang-undang itu?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya mesti saintifik dan precise, dengan izin. [Ketawa] Jangan kita meleret, tak tahu arah, tak tahu entah apa.

[Ketawa]

Seorang Ahli: *[Menyampuk] [Bercakap dalam bahasa China]*

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, biar saya beri kuliah kepada Yang Berhormat dari Kepong. *[Ketawa]* Fasal hutan, tanah-tanah simpanan ini adalah di bawah kuasa negeri. Di bawah Perlembagaan negara, schedule 9, kalau dia tidak faham. *[Ketawa]* Jangan kita cuba pergi lajak kepada luar daripada kuasa kita. Tidak guna kita cakap panjang-panjang meleret tidak ada benda.

Seorang Ahli: Biar pendek dan padat.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Kita pergi kepada matan, precise *[Ketawa]* and concise. *[Ketawa]* Apa yang dia kemukakan soalan tambahan tadi, saya ingat saya tidak perlu jawab lagi. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai haiwan-haiwan liar yang di bawah perlindungan. Di dalam kawasan saya selalunya babi hutan keluar dari hutan makan padi. Jadi, apabila ditembak merupakan satu kesalahan. Selalunya Jabatan Hidupan Liar meminta supaya petani-petani menghubungi jabatan berkenaan terlebih dahulu kalau ada haiwan yang berkenaan keluar. Tetapi haiwan itu tidak tunggu. Apabila dia mengatakan bahawa kita terpaksa tembak, dia kata ini kena denda kerana salah, dan pihak petani berkenaan berkata 'hari inilah baru saya tahu kata babi hutan ada tuan.' Itu ceritanya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, apakah penjelasan yang dapat Yang Berhormat Dato' terangkan supaya benda ini dapat meredakan keadaan petani yang bersawah berhampiran dengan kawasan hutan, di mana binatang liar yang di bawah perlindungan ini keluar daripada kawasan perlindungan?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Khinzir pun adalah makhluk Allah juga. *[Ketawa]* Ianya mesti dijaga, must be protected, dengan izin. Jadi, memanglah kalau kita biarkan mereka menggunakan senjata tanpa kawalan, walaupun untuk khinzir dan lain-lain, ini merbahaya kepada keselamatan orang lain pula. Tuan Yang di-Pertua pun tahu sebagai pemburu, saya tahu. *[Ketawa]* Jadi, kalau dalam Islam yang saya ingat, kalau tanaman kita dimakan oleh binatang-binatang makhluk Allah, ini juga satu 'sunat', satu sunnah. *[Ketawa]* Terima kasih.

KADAR IMBANGAN IMPORT DAN EKSPORT NEGARA SEPANJANG 1996 - PERKEMBANGAN DAN KEUNTUNGAN

4. **Tuan Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan dan keuntungan Kadar Imbangan Import dan Eksport Negara bagi tempoh sepanjang tahun 1996. Berapakah nilai keuntungan kedua-dua aktiviti berkenaan sejajar dengan masa depan negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama pertanyaan ini izinkan saya menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah dari Tambun pada 5hb. Mei, 1997 kerana perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Kerk Choo Ting: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, jumlah perdagangan telah berkembang 3.0% daripada RM309.3 bilion pada tahun 1995 kepada RM394 bilion pada tahun yang lalu. Eksport barangan negara pada tahun 1996 ialah RM196.7 bilion, import pada tahun yang sama ialah RM167.3 bilion. Ini bermakna bahawa negara telah mengalami defisit perimbangan perdagangan sebanyak RM618 juta. Namun begitu, ia

adalah merupakan satu pembaikan jika dibandingkan dengan defisit sebanyak RM9.4 bilion yang dicatat pada tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, nilai perdagangan dalam negara pada masa depan adalah bergantung kepada beberapa faktor, termasuk pertumbuhan ekonomi negara, ekonomi dunia dan juga pertumbuhan industri-industri sokongan khususnya dalam sektor perkilangan. Di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua adalah dijangkakan bahawa akaun semasa dalam imbalan pembayaran negara akan mencatat lebih pada tahun 2000. Ini adalah hasil daripada lebih yang dijangka diperolehi dalam imbalan akaun dagangan. Eksport dijangka akan berkembang kepada lebih kurang RM360 bilion pada tahun 2000 dan import barangan berkembang dengan lebih perlahan.

Jangka ini berdasarkan kepada penumpuan inisiatif yang sedang dan akan diambil di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua untuk meningkatkan keupayaan sektor perkilangan tempatan mengeluarkan sebahagian daripada keperluan input barangan penghantar dan pelaburan yang sekarang ini diimportkan. Ini adalah berdasarkan strategi pembangunan industri secara berkelompok. Sebagai contoh, jumlah import barangan elektronik dan electrical termasuk jentera elektrik ialah RM104.6 bilion pada tahun 1996. Ini merupakan satu peluang atau satu sektor kepada industri domestik untuk menawarkan barangan tersebut secara kompetitif. Dengan ini, import negara dapat dikurangkan dan nilai tambah negara ditingkatkan. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, kerana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memetik angka-angka daripada Jabatan Perangkaan. Nampaknya bercanggah dengan angka-angka yang dikeluarkan oleh Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia. Saya rasa ini merupakan satu masalah besar, kerana saya pernah mengatakan di sini, kalau timbul

percanggahan macam mana kita tahu apakah angka-angka yang sah sepertimana apabila saya bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, adakah benar bahawa akaun defisit semasa atau imbangan dagangan yang diberikan oleh financial analyst luar negeri berlainan dengan apa yang diramalkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Kerana dari segi akaun defisit semasa mereka membuat unjuran bahawa akan bertambah, berbanding dengan apa yang dikatakan oleh pihak kementerian. Adakah ini akan berlaku kerana lumpy payment, dengan izin, berikutan pembelian kapal terbang oleh pihak MAS, nampaknya akan menjadikan keadaan yang lebih teruk untuk tahun ini. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apa yang timbul, mana angka yang betul. Kerana yang kita tahu dan tidak tahu, mana yang betul. Macam mana kita boleh menarik pelabur berkeyakinan dengan sistem pengurusan kita dan melabur di negara kita?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita terangkan di Dewan ini pada beberapa kali yang lalu, analisa yang dibuat oleh negara kita dengan analisa yang dibuat oleh pakar-pakar ekonomi dunia selalu gunakan formula-formula yang berlainan dan kombinasi-kombinasi faktor yang berlainan. Kalau ada perbezaan kita mesti di atas fakta yang sama, formula yang sama. Kalau ada apa perbezaan sila rujukkan kepada kementerian ini, kita akan terangkan kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Kerk Choo Ting: Yang kedua, pada masa hadapan sama ada defisit itu akan dikurangkan atau tidak, ramalan pakar ekonomi luar dan ramalan yang dibuat oleh kerajaan sendiri, itu pun berlainan. Oleh sebab itu, kita tidak boleh berpandukan kepada analisa ataupun komen-komen yang dibuat oleh pakar-pakar ekonomi luar sahaja. Itulah

jawapan saya. Jika ada apa-apa perbezaan yang ketara, sila rujukkan kepada kementerian ini, kita akan menjawab dengan terperinci. Terima kasih.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Defisit atau lebihan tidak semestinya baik atau tidak baik dengan sendiri. Tetapi dalam keadaan perdagangan antarabangsa Malaysia, yang menjadi masalah pada pendapat saya ialah kebanyakan daripada nilai eksport kita adalah juga barangan yang kita import. Ini tidak dapat kita atasi melainkan kita mengubah struktur perdagangan dan perindustrian dalam negeri. Satu daripada masalahnya ialah sebahagian besar daripada barangan yang dikeluarkan untuk dieksport adalah barangan bukan siap ataupun barangan perantaraan yang juga memerlukan barangan-barangan bukan siap yang terpaksa diimport.

Jadi, bagaimanakah kementerian hendak menyelesaikan masalah ini dengan menggalakkan pelaburan di dalam negara ini yang lebih kepada pengeluaran barang di penghujung sedikit ataupun barang yang hampir siap ataupun barang yang sudah siap, barulah kita boleh menyelesaikan masalah ini, kerana kalau kita hanya berharap bahawa barang-barang perantaraan yang kita import itu diwujudkan di dalam negara ini, itu sebenarnya satu strategi yang agak susah kerana cara business yang dibuat oleh multinasional ini tidaklah semudah itu kerana mereka boleh dapat source daripada luar. Soalannya ialah bagaimana kita tidak hendak menggalakkan jenis-jenis pelaburan daripada multinasional ke dalam negara kita yang sebenarnya menggunakan input yang diimport kembali. Dengan cara itu sahajalah baru kita boleh selesaikan masalah ini.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebab ini adalah tujuan maksud Pelan Induk Perindustrian Kedua. Sebenarnya kerajaan menggalakkan supaya pelabur-pelabur tempatan mengambil satu bahagian lebih besar, lebih aktif dalam pengilangan. Manakala pelaburan daripada luar atau dari negara asing itu dikurangkan kepada 40% sahaja. Ini adalah satu cara secara am.

Secara lebih terperinci, dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua, kerajaan sedang menggalakkan supaya aktiviti-aktiviti perkilangan ini bukan tertumpu kepada assembly sahaja. Kita mesti bawa kepada hilir dan hulu. Di peringkat hulu kita mesti terlibat di

dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga product design, detail engine design, dengan izin. Dan kepada hilir, kita mestilah menumpukan kepada packaging dan juga pasaran. Ini adalah satu konsep manufacturing plus plus, ataupun pengeluaran campur-campur, campur di atas dan campur kepada aktiviti di bawah.

Selain daripada itu, kita cuba menjalankan satu konsep perindustrian berkelompok supaya industri-industri yang melibatkan aktiviti-aktiviti bersama berkumpul di satu tempat supaya kita ada satu industri 'anchor company' dan disokong oleh industri-industri sederhana dan kecil. Ini adalah satu konsep baru supaya kita dapat mempertingkatkan industri kita dan juga industri tempatan. Dengan cara itu kita dapat mengurangkan defisit-defisit perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chia Kwang Chye.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 6 yang panjang tetapi yang 'free size' dan 'concise' itu adalah soalan saya. *[Ketawa]*

TABIAT ECO-FRIENDLY - USAHA GALAKAN

6. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai usaha kerajaan untuk menggalak rakyat Malaysia supaya bertabiat lebih "eco-friendly". Memandangkan bahawa kos melaksanakan tabiat "eco-friendly" adalah tinggi, misalnya kos kertas "recycle" adalah tiga kali ganda kos kertas biasa dan kos gas penghawa dingin tanpa CFC lebih tujuh kali kos gas Freon:-

- (a) apakah rancangan atau tindakan kerajaan untuk menurunkan kos barangan "eco-friendly" supaya rakyat Malaysia mampu menggunakannya tanpa menambah beban harga tinggi terhadap pengguna; dan
- (b) selain menurunkan harga minyak tanpa plumbum, apakah langkah-langkah lain yang dilaksanakan oleh kerajaan ke arah penggunaan "eco-friendly" dan apakah kesan-kesan langkah-langkah tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin

Daud]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. 'Parliamentary friendly' kata kawan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:

- (a) Di antara usaha kerajaan untuk menurunkan kos barangan 'eco-friendly' terutama kos gas penghawa dingin tanpa klorofluorokarbon (CFC) iaitu gas HFC 134a adalah dengan tidak mengenakan sebarang duti import kepada gas berkenaan. Selain daripada itu, duti import juga tidak dikenakan kepada peralatan yang boleh kitar semula gas CFC, dengan izin.
- (b) Di antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan ke arah penggunaan 'eco-friendly' ialah dengan menganjurkan kempen-kempen kesedaran yang lebih agresif dengan kerjasama dari industri dan persatuan pengguna. Usaha-usaha ini telah menampakkan kesan yang positif terutama meningkatkan bilangan industri tempatan yang memohon bantuan Tabung Multilateral Protokol Montreal bagi tujuan menggunakan teknologi environmental-friendly, dengan izin.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kabinet telah tidak bersetuju mengharamkan penggunaan beg plastik dan beg plastik adalah antara satu-satu punca utama yang menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Saya ingin bertanya di sini apakah barangan gantian yang harganya setanding dengan beg plastik yang kerajaan sedang mencari untuk menggantikan beg plastik ini?

[Ketawa]

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, bila sedang mencari, belum jumpa lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita ada 'fund' untuk 'research and development', kita bawa juga Intercification of Research in Priority Area (IRPA) dan macam-macam yang menelan belanja berbilion ringgit. Insyaa-Allah, kita akan jumpa. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan memastikan bahawa alam sekitar kita adalah dalam keadaan yang sihat dan stable, saya tahu kerajaan mempunyai dua strategi.

Strategi yang pertama ialah dari segi ganjaran, 'tax duty free' atau insentif.

Yang kedua, adalah dari segi penjara atau hukuman atau denda.

Jadi, strategi yang mana yang diutamakan oleh kerajaan sebagai satu strategi untuk mengatasi masalah yang timbul dari alam sekitar dan dari segi peruntukan strategi yang mana yang memerlukan peruntukan yang lebih dan berapa banyakkah peruntukan itu?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ia ada dua strategi untuk jangka panjang dan jangka pendek. Kalau jangka pendek itu kita hukum orang, tetapi kerajaan tak suka sangat hukum orang. Lebih baik kita pergi kepada cara yang jangka panjanglah iaitu cara pendidikan 'on education'.

Tuan Yang di-Pertua, kita cuba memberi insentif dan kerajaan memanglah memberi perhatian tentang perkara ini sebab kita ini baru sahaja memasuki ledakan industri ini - baru mari! Jadi, kita cubalah buat 'adjustment'. *[Ketawa]*

AJARAN SESAT DI LEMBAH KLANG - LANGKAH MENGATASI

7. **Puan Rohani binti Abd. Karim [Santubong]** minta Perdana Menteri menyatakan tentang satu ajaran sesat yang telah berleluasa di persekitaran Lembah Klang yang terang-terang meruntuh akhlak dan moral pengikutnya, khususnya di kalangan wanita. Apakah langkah yang diambil secara tegas untuk membanteras gejala yang tidak sihat ini dan akan melemahkan umat Islam di negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu ajaran sesat di kawasan Hulu Kelang di mana guru ajaran ini pernah ditahan reman untuk siasatan kerana dituduh melakukan perbuatan sumbang ke atas muridnya. Beliau dilepaskan kerana tiada bukti mengikut undang-undang.

Kerajaan Negeri Selangor telah memfatwakan ajaran yang berkenaan adalah menyeleweng dari ajaran Islam dan telah diwartakan pada 28hb. September, 1995.

Pada masa ini kegiatan kumpulan ini dalam tindakan pihak berkuasa bagi membanteras ajaran tersebut.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah ajaran sesat ini telah menular ke negeri-negeri lain dan setakat ini berapa ramaikah agaknya pengikut ajaran ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, walau siapapun yang membawa ajaran sesat kita dapati motifnya adalah sama, selalunya ajaran sesat ini ialah ketuanya sentiasa mengarahkan pengikut-pengikutnya supaya taat dan memujanya. Di samping itu, di antara motif-motif yang lain boleh dikatakan keseluruhan mereka ini berkehendakkan:-

- (i) kepada kuasa;
- (ii) kepada pengaruh;

(iii) kerana perempuan; dan

(iv) kerana harta.

Jadi, ini yang selalu kedapatan. Kita hendak mengatakan tidak merebak ke tempat lain, kadangkala perkara yang dibawa oleh ajaran sesat di tempat lain didapati caranya adalah hampir-hampir serupa.

Bagi ajaran sesat di Hulu Kelang ini termasuklah yang saya sebutkan tadi, pengikutnya tidak ramai, lebih kurang 50 ke 100 orang, tetapi apa yang dia bawa ialah, yang pertama Tuan Haji Ghazali Osman ini, dia membawa apabila sudah sampai hakikat, syariat tidak dipakai lagi. Ertinya apabila mengakui dia sudah terlalu baik dan tinggi, semua hukum Islam ini tidak dikenakan lagi ke atas orang yang membawa ajaran ini.

Yang kedua, misalannya 'hajar aswat' hakikatnya kemaluan perempuan. Jadi, bayangkanlah kalau seorang manusia biasa yang tahu hukum tetapi boleh membawa perkara ini bererti ini sudah tentu semata-mata kerana nafsu. Sebab itulah ia membawakan perkara ini sehinggakan orang perempuan tertarik apa yang dibawa oleh Ghazali Osman ini.

Jadi, kita semua baik lelaki atau perempuan kenalah berwaspada supaya kita tidak terseret kepada ajaran sesat yang sedemikian rupa.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada sebilangan kecil bekas pengikut ajaran Al-Arqam yang masih mengamalkan ajaran ini dan pihak kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa.

Jadi, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah kerajaan selanjutnya untuk mengatasi masalah ini kerana saya difahamkan ada ura-ura untuk menghidupkan kembali ajaran sesat ini.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa memberikan penjelasan kepada mereka, bahkan banyak di antara perkampungan Al-Arqam telah ditutup dan baru-baru ini di kampung sempadan di Bentong, kita telah isytiharkan penutupannya.

Kalau masih ada dan mereka cuba untuk merebakkan lagi ataupun menghidupkan semula ajaran ini, pihak yang berkenaan bolehlah memberitahu kepada Jabatan Kemajuan Islam supaya beberapa tindakan tertentu boleh kita ambil ataupun kita mengadakan kursus-kursus tertentu kepada mereka yang cuba untuk menghidupkan kembali ajaran tersebut.

KLIA - BILA BEROPERASI DAN PENYEDIAAN PRASARANA LALULINTAS

8. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang akan mula beroperasi dan sejauhmana prasarana lalulintas di antara KLIA ke Kuala Lumpur telah disediakan oleh kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijangka siap pada akhir tahun ini supaya dapat mula beroperasi pada awal tahun 1998.

Kerajaan amat mementingkan kemudahan seperti prasarana, lalu lintas ke dan dari KLIA sebab cita-cita kerajaan kita adalah supaya KLIA dijadikan sebagai satu hak penerbangan di rantau ini.

Di antara prasarana lalu lintas yang dirancang dan sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan pembinaan ialah seperti berikut:-

- (i) Projek Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (North-South Central Link Expressway);

- (ii) Projek Menaikkan Taraf Jalan B20 dari Nilai ke Banting sebagai Eastern Access ke KLIA;
- (iii) Projek Lebuhraya Khusus Kuala Lumpur-Putrajaya-KLIA dedicated highway, dengan izin; dan
- (v) Projek Hubungan Rel Ekspres (Express Rail Link).

Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah yang membabitkan pembinaan lebuhraya enam lorong dua hala dimulakan di persimpangan bertingkat Lebuhraya Lembah Kelang Utara dan menuju ke selatan untuk merentasi Lebuhraya Persekutuan Laluan Dua (FHR II) dekat Batu Tiga, Shah Alam. Ia kemudian terus menuju ke KLIA di Sepang dan berakhir di Lebuhraya Utara Selatan yang sedia ada di persimpangan bertingkat dekat Nilai. Lebuhraya ini yang akan menjadi laluan utama bagi pengguna-pengguna KLIA telah siap hampir 80% dan dijangka siap pada bulan Oktober tahun ini.

Kerja-kerja peningkatan taraf Jalan B20 dari Nilai ke Banting sebagai lebuhraya empat lorong dua hala yang akan dijadikan Eastern Access ke KLIA hampir 40% siap pada masa ini dan dijangka akan disiapkan pada bulan Disember 1997.

Projek Lebuhraya Khusus dari Kuala Lumpur ke Putrajaya dan terus ke KLIA iaitu satu dedicated highway, yang merupakan lebuhraya tiga lorong dua hala merupakan satu projek baru yang dirancang untuk meningkatkan hubungan Lembah Klang dengan Putrajaya dan KLIA. Projek ini adalah dalam peringkat akhir rundingan dan dijangka siap dilaksanakan pada awal tahun 1999.

Hubungan Rel Express (ERL) yang merupakan satu projek yang diswastakan adalah dijadualkan siap pada tahun 1999. Sementara itu perkhidmatan ERL akan membolehkan penumpang udara untuk mengadakan check-in dan check-out, dengan izin,

di stesen K.L. Central dan berjalan terus ke KLIA dan balik. 'Journey time' ataupun masa perjalanan bagi perkhidmatan ERL sehala ialah dalam lingkungan 30-35 minit. Selain dari itu, satu perkhidmatan yang dinamakan Commuter Rail Service (CRS), dengan izin, akan diadakan menghubungi K.L. Central dengan Tasik Selatan-Putrajaya dan Salak Tinggi dan terus ke KLIA.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat, apakah jumlah kos projek-projek prasarana lalu lintas yang disebutkan tadi dari segi kosnya dan adakah kesemua prasarana yang dirancang untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur akan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, kerana ada beberapa aduan yang mengatakan ada setengah-setengah dari prasarana tidak mengikut spesifikasi kerana mereka mengejar masa untuk menyiapkannya sebelum Sukan Komanwel, sebagai satu contoh, cermin besar untuk KLIA ini yang berharga bernilai berpuluh-puluh juta dikatakan tidak mempunyai kekuatan atau keteguhan yang sewajarnya mengikut spesifikasi.

Adakah dakwaan ini benar dan kalau ya, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan ia adalah cukup teguh dan kuat.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kos-kos prasarana lalu lintas, pada keseluruhannya saya minta notis, sebab saya tidak mempunyai angka, kecuali kos Expressway Rail Link (ERL) adalah dalam lingkungan RM2.3 hingga RM2.5 bilion.

Dan bagi soalan yang kedua, iaitu mengenai aduan yang mana beberapa perkara ataupun kemudahan yang dipasang diadakan di KLIA tidak mengikut spesifikasi, ingin saya memberitahu kemungkinan kontraktor-kontraktor yang membuat kerja ini kadangkala tidak mengikut spesifikasi tetapi KLIA sentiasa mempunyai konsultan mereka.

Dan jika terdapat apa sahaja yang ingin ditukar, tidak mengikut spesifikasi jika terlebih dahulu dapat keizinan dari konsultan dan pada pendapat konsultan memang munasabah, maka ia perlulah dilaksanakan.

Dan jika terdapat ada apa-apa aduan yang tidak mengikut spesifikasi mengikut pendapat kerajaan iaitu memang tidak munasabah ataupun tidak cukup teguh maka tindakan sewajarnya akan diambil terhadap perkara ini.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat ada mengatakan bahawa KLIA ini akan mula beroperasi pada tahun 1998. Selepas KLIA ini beroperasi, apakah cadangan kerajaan terhadap Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah harapan kerajaan supaya KLIA mula beroperasi pada bulan Januari tahun depan dan kerajaan sudah mengarah supaya kerja-kerja di Lapangan Terbang KLIA ini dijalankan 24 jam sehari untuk mencapai matlamat kita. Bagi kedudukan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah ini, ingin saya memberitahu pada peringkat ini, kerajaan masih menjalankan kajian mengenai kegunaan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah tetapi kemungkinan besar ianya akan diguna sebagai satu pusat penerbangan am dan juga untuk perindustrian aerospace dan jika ada ruang lagi, maka semua pesawat kecil yang dipunyai oleh swasta ataupun perseorangan akan di 'park' di situ. Sekian, terima kasih.

JALAN DUA HALA DARIPADA BANGUNAN KDCA KE PEKAN DONGGONGON - PEMBINAAN

9. **Tuan Paul Noutin [Penampang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:
- (a) bilakah pembinaan jalan dua hala daripada bangunan KDCA ke pekan Donggongon akan dimulakan; dan
 - (b) sama ada pembinaan jalanraya (ring road) lido/kepayan dapat disiapkan pada bulan November 1997 seperti yang dijadualkan. Kalau tidak apakah

sebab-sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak pembinaan jalan dua hala dari bangunan KDCA ke pekan Donggongon telah ditawarkan kepada kontraktor pada 28hb. Januari tahun ini. Tarikh mula tapak ialah 28hb. Februari tahun ini dan dijadualkan siap pada 27hb. Februari tahun 1999. Buat masa ini, pihak kontraktor sedang membuat persiapan untuk memulakan kerja-kerja pembinaan.
- (b) Pembinaan jalan raya ring road dari Lido ke Kepayan dijadualkan siap pada 14hb. September tahun ini.

Tuan Paul Noutin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas usaha untuk melaksanakan pembinaan kedua-dua jalan raya yang dimaksudkan walaupun sudah terlalu lama overdue. Pertanyaan saya ialah dapatkah kementerian Yang Berhormat memberi jaminan bahawa pembinaan kedua-dua jalan raya yang dimaksudkan itu tidak akan tergendala akibat masalah tertentu selain daripada masalah keadaan cuaca terutama sekali dari segi masalah kewangan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua jalan ini telah pun ditawarkan kepada kontraktor. Jalan pertama akan bermula tidak lama lagi, jalan kedua ini sebenarnya telah pun dijalankan sampai tahap lebih daripada 43% siap sekarang. Saya haraplah ianya akan disiapkan seperti dijadualkan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi kedua-dua projek ini bolehkah beliau memberi pecahan peruntukan yang telah pun diperuntukkan dan kalau ada semakan yang terkini

dan bagi bahagian (a) berapakah kontraktor yang terlibat kerana sering kali projek-projek seperti ini diagih-agihkan kepada beberapa kontraktor dan akhirnya ada masalah pelaksanaan? Terima kasih.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, bagi projek di soalan (a), kontraktor yang diberi kerja ini ialah Seribu Daya Engineering Sdn. Bhd. Harga kontrak adalah RM7.248 juta dan jalan yang kedua iaitu ring road Lido ke Kepyang, harga kontrak ialah RM10.6 juta, pihak kontraktor adalah Langkuas Construction Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.5 dan 10 Hingga 47 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Akta Insurans Luar Pesisir 1990 adalah merupakan akta yang mentadbir hal ehwal pelesenan dan pengawalseliaan industri perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya seperti perlantikan dan tugas-tugas juruaudit tanggungjawab mengemukakan penyata-penyata kewangan dan kuasa mengkompaun kesalahan.

Akta Insurans uar Pesisir mula berkuat kuasa pada 30hb. Ogos 1990 mengandungi peruntukan undang-undang yang komprehensif mengenai pelesenan, perjalanan dan pengawalseliaan syarikat insurans luar pesisir serta syarikat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti insurans luar pesisir di Labuan. Setelah enam tahun akta ini berkuat kuasa, ia kini dirasai perlu dipinda untuk memastikan regim pengawalseliaan industri insurans luar pesisir negara dikemaskan sejajar dengan arus pembangunan di pusat-pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang lain (IOFC) yang terkemuka di dunia.

Pindaan yang dicadangkan ini pada amnya merupakan usaha untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan akta yang sedia ada khususnya untuk mengurangkan keperluan modal bagi menjalankan perniagaan insurans kaptif, meluaskan aktiviti-aktiviti perniagaan bagi pengurus insurans dan meningkatkan kaedah pengawalseliaan serta mengambil kira dasar-dasar terkini kerajaan mengenai industri kewangan. Beberapa peruntukan akta yang kurang jelas dan menimbulkan masalah perlu diperkemas dan diperbaiki bagi memastikan keberkesanannya termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan tafsiran dan hal-hal berkaitan dengan perniagaan insurans luar pesisir serta pengenalan beberapa aktiviti perniagaan insurans luar pesisir yang baru. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) yang bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Insurans Luar Pesisir berpendapat bahawa peruntukan undang-undang yang kemas dan jelas adalah penting bagi memastikan industri insurans luar pesisir berkembang dengan licin dan pesat.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan:

- (i) mengurangkan keperluan modal untuk menjalankan perniagaan insurans kaptif;
- (ii) meringkaskan prosedur pengemukaan akaun tahunan;
- (iii) meningkatkan kuasa LOFSA untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan pengawalseliaan;
- (iv) meluaskan aktiviti perniagaan yang dibenar bagi syarikat pengurus insurans;
- (v) memperkemas peruntukan kerahsiaan;

- (vi) menyediakan satu peruntukan bagi membolehkan kegiatan insurans luar pesisir yang baru dapat diperkenalkan di Labuan sebagaimana ditentukan oleh LOFSA dari masa ke semasa.

Bahagian-bahagian utama yang terlibat dalam pindaan ini adalah seperti berikut:

Bahagian II -

- (i) seksyen 6 akta ibu dipinda bagi mengurangkan peruntukan modal bagi menjalankan perniagaan kaptif luar pesisir daripada RM1 juta kepada RM300,000. Ini bertujuan bagi menyelaraskannya dengan keperluan modal syarikat kaptif di IOFC yang lain serta menggalakkan kegiatan insurans kaptif di Labuan.

Bahagian IV -

- (i) seksyen 19(1) akta ibu dipinda bagi meringkaskan prosedur pengemukaan akaun tahunan yang telah diluluskan menurut dokumen konstituen syarikat dan memasukkan peruntukan baru selepas seksyen 19(4) bagi membolehkan LOFSA mendapatkan maklumat berhubung dengan operasi syarikat insurans pada bila-bila masa yang dianggap perlu.
- (ii) seksyen 21 (2) akta ibu dipinda bagi meluaskan aktiviti insurans luar pesisir di Labuan selaras dengan perkembangan dalam industri berkenaan;
- (iii) seksyen 22(2) akta ibu dipinda bagi memperluaskan kegiatan syarikat pengurus insurans supaya ia dapat memberikan perkhidmatannya kepada semua pelanggan sama ada yang didaftarkan di bawah akta ataupun tidak melainkan mana-mana perniagaan yang dijalankan di bawah Akta Insurans 1983;

- (iv) seksyen 25 akta itu juga dipinda untuk menambahkan peruntukan kerahsiaan yang meliputi mana-mana orang yang mempunyai maklumat berhubung hal-hal syarikat atau akaun pemegang polisi.

Bahagian VI -

- (i) seksyen 33(2) akta itu dipinda untuk menyelaraskan takrif pegawai-pegawai kerajaan Malaysia berikutan pemindahan fungsi daripada Bank Negara Malaysia kepada LOFSA.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan membolehkan LOFSA menjalankan tugas-tugas sebagai pengawal selia syarikat insurans luar pesisir serta syarikat yang berkaitan dengan lebih efektif dan ia dijangka akan menggalakkan penubuhan syarikat kaptif insurans dan syarikat pengurus insurans luar pesisir di Labuan di samping meningkatkan perkembangan dan peluang perniagaan insurans baru di Labuan. Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu bertujuan memastikan industri insurans luar pesisir di Labuan berkembang seiring dengan pembangunan industri perbankan luar pesisir di Labuan serta untuk memperkemas lagi peruntukan-peruntukan Akta Insurans Luar Pesisir. Ia juga akan membolehkan LOFSA menguatkuasakan akta itu dengan lebih kemas dan berkesan dengan mengambil kira perkembangan ekonomi dan kewangan negara serta perkembangan terkini di lain-lain IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Labuan.

3.43 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang ke atas Akta Insurans Luar Pesisir, 1990. Saya mengalu-alukan langkah ini bagi memastikan rejim pembangunan industri insurans luar pesisir dipertingkat dan dikemaskinikan sejajar dengan trend pembangunan di pusat-pusat IOFC yang terkenal di peringkat multinasional.

Untuk itu saya percaya bahawa bagi memudahkan industri insurans luar pesisir berkembang dengan licin dan dinamik, ianya memerlukan peruntukan undang-undang yang kemas dan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, secara am pindaan akta ini antaranya ialah bagi mengurangkan keperluan modal bagi perniagaan insurans kaptif bagi memberi keluasan bagi aktiviti perniagaan, pengurus insurans dan meningkatkan kaedah pengawalseliaan serta memperjelaskan beberapa tafsiran pokok dalam akta ini seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya berpendapat bahawa cadangan pindaan ini adalah bermanfaat bagi pembangunan industri insurans luar pesisir dan saya menyokong cadangan pindaan yang dimaksudkan walaupun terdapat sebahagian kecil daripada pindaan ini saya rasa perlu dikaji semula dan disemak bagi maksud tujuan pindaan pada masa akan datang. Cukuplah pada kali ini agar dapat diberikan penjelasan

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada beberapa isu yang akan saya kemukakan selepas ini.

Yang pertama, saya ingin merujuk kepada fasal 5, pindaan Seksyen 22. Saya mengalu-alukan langkah ini di mana melalui pindaan ini akan memberikan kelonggaran kepada pengurus-pengurus insurans luar pesisir untuk memberikan perkhidmatan mereka kepada mana-mana pihak yang berminat berbanding dengan keadaan yang sebelumnya di mana perkhidmatan mereka hanya boleh ditawarkan kepada syarikat-syarikat insurans luar pesisir berlesen yang beroperasi di Labuan.

Saya yakin dengan kelonggaran ini akan dapat menarik penubuhan syarikat pengurus insurans luar pesisir dan secara langsung akan mengembangkan industri perkhidmatan di Labuan. Tetapi kelonggaran ini kenapa berhenti di separuh jalan sahaja? Maksud saya kenapa kelonggaran yang sama tidak dipanjangkan kepada pengurus “underwriting” luar pesisir. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Saya juga ingin menambah bahawa bidang operasi pengurus insurans luar pesisir dan pengurus underwriting luar pesisir ternyata sama. Kecuali pengurus underwriting luar pesisir mempunyai aktiviti melibatkan underwriting. Memandangkan setakat hari ini terdapat hanya 10 syarikat Insurans yang beroperasi atau 11 yang menjalankan operasi insurans dan insurans semula, menunjukkan bilangan syarikat yang beroperasi ini terlalu sedikit walaupun sudah lebih 6 tahun Labuan berfungsi sebagai IOFC. Ini jelas menunjukkan bahawa industri insurans luar pesisir kurang menarik di kalangan pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah wajar jika kelonggaran yang sama diberikan kepada pengurus underwriting luar pesisir. Kelonggaran ini, selain dari

memajukan Labuan ia akan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Underwriting, seperti yang terdapat di pusat-pusat luar pesisir yang terkemuka yang lain contohnya, Hong Kong, Bermuda, Kepulauan Cayman, Cyprus dan juga pasaran insurans terbesar di dunia iaitu di London. Kelonggaran ini juga Tuan Yang di-Pertua, akan menambah dan mengangkat kualiti perkhidmatan Insurans Luar Pesisir Labuan nanti.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal 3(b) sub seksyen baru (5) yang berbunyi:

“ Walaupun apa-apa peruntukan dalam akta ini, bank boleh menghendaki pemegang lesen untuk mengemukakan kepada bank apa-apa dokumen berhubung dengan pengendalian mengikut cara yang ditentukan oleh bank secara bertulis”.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen baru ini ialah bagi memberi kuasa kepada LOFSA untuk meminta sebarang maklumat dari syarikat insurans luar pesisir. Walaupun kuasa ini akan membantu pengawalseliaan Labuan sebagai pusat insurans luar pesisir yang bersih pada masa jangka panjang, saya turut mendokong usaha ini, tetapi saya juga berpendapat bahawa buat masa ini, segala peraturan yang berbentuk penguatkuasaan atau halangan walau sekecil mana akan menimbulkan rasa curiga dan akan mengurangkan keyakinan pada pelabur-pelabur yang pada mulanya telah menunjukkan minat untuk menubuhkan syarikat dan beroperasi di Labuan. Dengan peruntukan ini segala kehendak-kehendak lembaga sudah tentu akan meningkatkan kos pentadbiran dan kos perakaunan syarikat-syarikat insurans luar pesisir. Keperluan ini adalah bertentangan dengan ciri-ciri Pusat Kewangan Luar Pesisir yang sepatutnya sentiasa berusaha bagi mengurangkan beban pelabur. Saya berpendapat bahawa undang-undang dan mekanisme pengawalan

yang sedia ada yang saya anggap sudah memadai buat ketika ini iaitu dengan proses penawaran lesen yang ketat yang dikeluarkan oleh pihak lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada Fasal 7, pindaan Seksyen 32. Pindaan ini, saya anggap ianya mempunyai kesan yang sama dengan Fasal 3(b) yang saya nyatakan sebelum ini. Pindaan ini juga akan menimbulkan kesangsian terhadap hasrat kerajaan untuk memajukan Insurans Luar Pesisir Labuan. Norma dan pada dasarnya atau perkara pokok bagi memajukan sebuah IOFC ianya bergantung kepada kelonggaran undang-undang (simple regulations), kestabilan suasana, kestabilan politik, percukaian yang kecil atau tiada sebarang percukaian sama sekali dan yang paling berpengaruh ialah pengawalan rahsia yang ketat. Dengan adanya pindaan ini, ia akan membolehkan peraturan-peraturan baru dikeluarkan dari masa ke semasa dan ini akan melahirkan atau mengakibatkan suasana luar pesisir yang tidak meyakinkan akibat daripada undang-undang ini diperketatkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada Fasal 2 Pindaan ini di mana pada pandangan saya keperluan modal sebanyak RM1 juta bagi syarikat insurans adalah tinggi. Ini lebih-lebih lagi jika kita bandingkan dengan keperluan modal di domicile lain contohnya di Isle of Man memerlukan RM200,000, Jersey dan Guensy RM400,000, Bermuda and Cayman Island RM300,000, Bahamas RM350,000. Melihat akan jurang perbezaan ke atas keperluan modal permulaan di antara Labuan dengan pusat IOFC yang lain adalah begitu ketara maka langkah kerajaan untuk menurunkan keperluan modal daripada RM1 juta kepada RM300,000 amat dialu-alukan. Dengan ini adalah diharapkan akan dapat mempertingkatkan daya tarikan bagi peniaga-peniaga insurans-insurans luar pesisir di Labuan nanti. Insya' Allah.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal ‘underwriting’ yang telah saya sebutkan pada awal perbahasan tadi, di mana saya mempersoalkan mengapa kelonggaran tersebut tidak dipanjangkan kepada pengurus ‘underwriting’ luar pesisir. Ini jelas menunjukkan bahawa dalam Akta Insurans Luar Pesisir 1990 tidak memberi definisi kepada pengurus ‘underwriting’ luar pesisir tetapi kerajaan membenarkan perniagaan yang melibatkan ‘broker’ (brokerage) insurans luar pesisir. Walaupun ianya tidak dilesenkan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990, tetapi dibuat di bawah dasar meliberalisasikan aktiviti luar pesisir maka perniagaan broker luar pesisir dibolehkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penelitian saya dengan tidak mengambilkira beberapa faktor tarikan dengan IOFC Labuan misalnya regim percukaian yang rendah, kos operasi yang kecil berbanding dengan domicile IOFC yang lain seperti Hong Kong dan Singapura, tetapi sambutan daripada kalangan market players dengan izin, pada tanggapan saya adalah jauh di bawah jangkaan kerajaan. Ini apakah mungkin sebahagiannya dipengaruhi oleh prasarana dan khidmat sokongan yang baik sehingga membantutkan hasrat mereka untuk meninggalkan pusat-pusat tersebut untuk menerokai IOFC Labuan yang masih terlalu muda dan belum terkanal di seantero dunia. Makanya saya berpendapat bahawa Labuan bukan sahaja harus mempunyai perundangan yang jelas tetapi harus terhindar dari segala halangan-halangan yang boleh memperkecilkan skop kepelbagaian produk IOFC.

Sehingga kelonggaran diberikan kepada pengurus ‘underwriting’ ini bermakna perlindungan prinsipal atau penyediaan perlindungan semula akan mempunyai akses kepada pasaran serantau hanya memerlukan pelaburan dan kepakaran yang kecil. Malah pengurus ‘underwriting’ akan dapat menyediakan suatu program insurans ‘pool’ dan ‘spread of losses’ bagi kebaikan beberapa pelindung insurans yang terlibat. Faktor tarikan

ini jika dilihat bersama dengan potensi pertumbuhan ekonomi yang mantap di rantau Asia Pasifik akan dapat menyumbang kepada aktiviti-aktiviti IOFC di Labuan yang mungkin akan dapat membawa suatu kehadiran pengurus 'underwriting' yang berkekalan sekiranya suatu tahap perniagaan dapat diperolehi dan dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemasukan pengurus insurans dan pengurus 'underwriting' sudah tentu akan dapat mempertingkatkan aktiviti perkhidmatan di Labuan. Ini juga akan dapat menyumbang dari segi kepakaran, keyakinan dan integriti pulau tersebut. Dengan adanya perkhidmatan sokongan yang mencukupi, saiz dan aktiviti insurans luar pesisir yang terus meningkat akan dapat meletakkan pulau tersebut sebagai pusat kewangan yang berdaya maju dan dikenali.

Sehubungan dengan itu, sekiranya persepakatan ekonomi (BIMP-EAGA) ini atau pun Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina-East Asian Growth Area ini akan menjadi realiti dan berkembang dan tidak hanya menjadi suatu forum untuk bercakap-cakap dan bertukar-tukar lawatan sahaja, saya yakin sekiranya wujud realiti dari segi aktiviti ekonomi dan melalui forum 'G to G' akan dapat menyediakan peluang untuk mengadakan suatu pengurusan insurans pool dan pertukaran program session, dengan izin Tan Sri Yang di-Pertua.

Dalam kesempatan ini, Tan Sri Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh tentang satu lagi bidang insurans iaitu 'insurans kaptif'. Saya ingin tahu apakah usaha kerajaan ke arah memungkinkan atau membolehkan penubuhan 'Malaysian captives' di Labuan. Dari segi teorinya ini akan dapat membantu mengimbangi atau mengurangkan 'the inversible' dalam imbangan pembayaran negara. Sekiranya pengwujudan 'Malaysian captives' dibolehkan dan ini boleh membantu dari segi peningkatan 'retention' dengan izin, peningkatan kepakaran dan 'spinoff' dalam sektor kewangan kita.

Di Malaysia kita mempunyai beberapa syarikat gergasi dan pelabur yang mempunyai kepelbagaian pelaburan yang sentiasa membayar atau berbelanja membayar premium insurans sama ada puluhan atau pun ratusan juta setiap tahun. Saya ingin bertanya mengapa tiada usaha bagi menggalakkan pengwujudan syarikat kaptif luar pesisir. Saya menjangka ini akan dapat merangsang 'spinoff' dalam industri insurans seterusnya menyumbang kepada pengurusan dana, perbankan dan insurans semula luar pesisir.

Tan Sri Yang di-Pertua, dalam konteks yang berdekatan dengan insurans kaptif ini saya ingin mendapat penjelasan sama ada kerajaan akan membenarkan pengwujudan 'rent-a-captive' dengan izin, saya tidak tahu apa dalam Bahasa Malaysia untuk diwujudkan di Labuan, kalau tidak, mengapa?.

Tan Sri yang di-Pertua, tanpa membincangkan apa yang dimaksudkan dengan 'rent-a-captive', mekanisme atau perniagaan ini secara khusus, saya cuma melihat ianya dari sudut Labuan sebagai IOFC yang di sekelilingi oleh syarikat-syarikat serantau dan multinational yang mempunyai saiz sederhana dan belum mempunyai saiz untuk mempunyai kaptif persendirian akan dapat memanfaatkan dan mengambil bahagian dalam skim 'rent-a-captive'. Di mana syarikat-syarikat tersebut akan dapat memperolehi manfaat jika mereka menubuhkannya di IOFC seperti Labuan kerana adanya regime percukaian yang rendah. Di samping kedudukan (proximity) pulau tersebut yang strategik dalam konteks kemunculan ekonomi di negara-negara dalam ASEAN yang telah menunjukkan peningkatan permintaanya terhadap 'rent-a-captive' adalah tinggi.

Tan Sri Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu perkara lagi iaitu tentang kelonggaran yang diberikan kepada broker insurans luar pesisir. Langkah ini adalah amat baik khususnya dalam jangka panjang bagi menarik pengwujudan syarikat induk

(principal company) ditubuhkan di Labuan sekiranya perniagaan mereka mempunyai saiz mencukupi. Syarikat ini dibenarkan beroperasi dan menyediakan perlindungan kepada warganegara Malaysia. Saya juga ingin tahu apakah kelonggaran ini tidak akan mendatangkan keadaan 'unfair advantage' kepada syarikat di IOFC Labuan yang masih mempunyai saiz pasaran yang kecil dan masih di peringkat awal atau 'infancy'.

Tan Sri Yang di-Pertua, dalam kesempatan yang diberikan ini, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini tentang perkembangan IOFC Labuan khususnya dalam sektor insurans. Walaupun Labuan sudah berfungsi lebih 6 tahun tetapi hanya 10 syarikat insurans luar pesisir yang beroperasi. Saya merasakan bahawa perkembangan ini amat rendah, tidak sedramatik mana yang sepatutnya berlaku seperti pusat-pusat IOFC yang baru diwujudkan. Pertumbuhan industri insurans luar pesisir adalah masih di bawah ekspektasi atau jangkaan oleh para pelabur. Walaupun demikian saya ingin merakamkan ucapan syabas kepada pihak LOFSA, walaupun baru sahaja berfungsi namun sudah mempunyai aktiviti-aktiviti yang tersusun bagi membangunkan IOFC Labuan. Hasilnya, Tan Sri Yang di-Pertua, walaupun masih diperingkat awal sudah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan, khususnya dalam perbankan dan aktiviti amanah luar pesisir. Persoalannya mengapakah industri insurans Luar pesisir tidak dapat berkembang atau selari dengan industri perbankan luar pesisir dan untuk itu saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh LOFSA bagi mengembangkan industri insurans luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengamatan saya sebagai orang luar yang sentiasa mengikuti perkembangan Labuan sebagai IOFC khususnya dalam bidang insurans luar pesisir, maka saya ingin menyarankan agar diwujudkan kesedaran tentang Labuan sebagai IOFC. Untuk itu harus ada gerak kerja yang tersusun yang melibatkan pihak Lembaga

(LOFSA) dan offshore players ke arah menonjolkan atau memasarkan potensi Labuan, oleh itu harus ada usaha yang melibatkan sektor swasta dan juga sektor awam bagi mengeluarkan majalah berjadual tentang IOFC Labuan diedarkan ke sasaran pasarnya.

Kedua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dapat mewujudkan hubungan profesional dengan 'the world players'

Ketiga, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dapat menganjurkan beberapa 'conferences' dan keempat kalau boleh dianjurkan 'roadshow' khususnya bagi industri luar pesisir bagi meletakkan IOFC Labuan ke dalam peta dunia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha untuk mengadakan perundangan yang jelas memberikan kelonggaran yang berpatutan bagi melicinkan pertumbuhan industri insurans luar pesisir, seharusnya janganlah ada kelonggaran dan peraturan yang boleh menjejaskan perkembangan industri ini dan sekaligus memudaratkan pelabur-pelabur lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat perhatian dari Yang Berhormat Timbalan Menteri agar dapat menangani dan mengambil langkah-langkah yang berpatutan bagi mengatasi beberapa isu yang pada anggapan saya sekiranya tiada langkah-langkah yang berpatutan diambil akan memudaratkan industri ini.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa daripada sepuluh syarikat insurans luar pesisir yang sedang beroperasi enam daripadanya masih mengekalkan dan menempatkan sebilangan besar dari kakitangan pengurusan mereka di Kuala Lumpur. Oleh yang demikian syarikat-syarikat yang saya maksudkan masih meneruskan aktiviti-aktiviti pengurusan dan pelaburan dari pejabat mereka di Kuala Lumpur.

Tuan Yang Di-Pertua, saya difahamkan bahawa kelonggaran yang diberikan untuk itu sudah pun tamat tempoh pada 31hb. Mac 1996. Namun demikian pihak LOFSA telah

pun memberikan pengecualian kepada syarikat-syarikat yang terlibat untuk terus menubuhkan pejabat pemasaran yang mempunyai kakitangan tidak lebih daripada empat orang yang terdiri daripada dua pegawai eksekutif muda pemasaran, seorang pemandu dan seorang setiausaha. Saya ingin tahu berapa syarikat yang mematuhi peraturan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu apakah rasionalnya kelonggaran ini masih dipanjangkan sedangkan IOFC Labuan sudah mempunyai prasarana yang mencukupi dengan terbinanya ujana kewangan dan sistem telekomunikasi yang terbaik kalau tidak terancang di negara ini. Dengan adanya kelonggaran ini dan perilaku pihak pengurusan syarikat-syarikat tersebut ini memberikan gambaran yang kurang sihat dan tiada kesungguhan. Secara tidak langsung ini menyerlahkan niat mereka untuk hanya mengambil kesempatan dari faedah-faedah luar pesisir dan mengabaikan peranan mereka secara khususnya membantu membangunkan bidang insurans luar pesisir Labuan dan menyumbangkan dalam ekonomi tempatan secara amnya.

Saya ingin menyarankan agar pihak LOFSA membuat pemeriksaan dari masa ke semasa terhadap syarikat-syarikat insurans luar pesisir yang mempunyai pejabat di Kuala Lumpur. Saya juga ingin menyarankan, Tuan Yang di-Pertua, agar LOFSA tidak akan melanjutkan kelonggaran ini lagi dan memastikan mana-mana syarikat luar pesisir membuka pejabatnya dan beroperasi hanya dari Pulau Labuan dan bukannya daripada Kuala Lumpur. Sekiranya kelonggaran ini terus diberikan saya yakin ianya akan terus disalahgunakan di kalangan pelabur dan akan membantutkan pembangunan IOFC itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penelitian yang saya lakukan, adalah didapati syarikat insurans nyawa yang berasaskan pelaburan (investment linked life insurance) kepada rakyat Malaysia dan juga pendatang di Malaysia, sedangkan peraturan-peraturan yang

sedia ada di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990 tidak membenarkan perbuatan seperti ini. Saya tidak perlu memanjangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mereka yang terlibat, tetapi pihak LOFSA, boleh membuat siasatan selanjutnya.

Perkara ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya pada masa akan datang pemberian kelulusan bagi menubuhkan syarikat insurans semula (reinsurance company) hanya akan ditawarkan kepada mereka yang akan menubuhkan syarikat insurans semula di Labuan dan tidak akan memberikan kepada syarikat yang akan menubuhkan pejabatnya di Kuala Lumpur seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum. Penubuhan Labuan reinsurance adalah dialu-alukan, tetapi adalah lebih elok lagi sekiranya 'Labuan Re' hanya mempunyai pejabat di Labuan dan sebagai syarikat insurans semula kepunyaan pelabur-pelabur Malaysia harus menunjukkan contoh yang baik dan mempunyai keyakinan dengan IOFC Labuan. Adalah juga diharapkan agar tidak wujud 'arm twisting' bagi mana-mana syarikat untuk mendapatkan perniagaan kerana jika ini berlaku ia bukan sahaja akan menjadi 'disincentive' malah akan menghalang syarikat-syarikat lain untuk beroperasi di Pulau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya telah mengambil masa Dewan yang mulia ini dan bagi memberikan rakan-rakan khususnya dari Kepong untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini saya ingin mendapat jawapan sama ada kerajaan akan meminda seksyen 5(a) Akta Insurans Luar Pesisir 1990 iaitu bagi membenarkan penubuhan 'pool' bagi insurans dan insurans semula luar pesisir. Dan saya juga ingin tahu apakah ada rancangan bagi membenarkan 'underwriting' langsung dalam perniagaan insurans domestik misalnya insuran motor, yang mana aktiviti ini tidak dibenarkan mengikut seksyen 21(1) akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggulung perbahasan ini saya ingin menyatakan keyakinan saya bahawa sektor insurans luar pesisir ini akan terus berjaya dengan adanya kesungguhan dari semua pihak untuk menonjolkan Labuan sebagai pusat IOFC serantau.

Dalam bidang insurans luar pesisir adalah diharapkan agar kerajaan dapat menarik penubuhan syarikat insurans yang bermodal tinggi bagi menarik lebih banyak kemasukan syarikat-syarikat insurans semula antarabangsa. Di samping itu adalah diharapkan pihak LOFSA akan dapat mendorong syarikat-syarikat insurans yang sedia ada supaya dapat menumpukan aktiviti-aktiviti mereka di arena antarabangsa selain daripada bersaing dalam pasaran domestik semata-mata.

Dengan nota sedemikian saya ucapkan terima kasih dan agar mendapat jawapan yang memuaskan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

4.15 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menimbulkan perasaan prihatin dan juga bimbang tentang tujuan kerajaan untuk meminda seksyen 6, Akta Insurans Luar Pesisir dengan mengurangkan keperluan modal minimum untuk memperolehi satu lesen untuk menjalankan sesuatu perniagaan insurans luar pesisir daripada RM1 juta kepada RM300,000. Saya membuat hujah sedemikian, kerana kalau kita lihat Akta Insurans 1996 dari segi keperluan modal minimum, saya rasa adalah sangat berlainan untuk sesebuah syarikat insurans yang menjalankan perniagaan atau beroperasi di Malaysia.

Di bawah Akta Insurans 1996 yang terpakai untuk semua syarikat insurans di Malaysia, tetapi tidak termasuk Labuan, dari segi minimum adalah di antara RM20 juta sampai RM100 juta dan untuk setengah-setengah broker reinsurance pula adalah lebih tinggi, iaitu daripada RM50 juta ke atas. Memandangkan bahawa ini adalah satu jumlah yang agak besar kalau berbanding dengan keperluan modal minimum, jadi saya hendak bertanya rasional pihak kerajaan untuk berbuat demikian? Kalau kita hanya lihat dari segi

hendak menarik lebih banyak syarikat insurans antarabangsa untuk melabur atau mendirikan cawangan mereka di Labuan, saya rasa kita mesti melihat dari segi keutuhan kewangan mereka. Jika kita melihat hanya semata-mata dari aspek bilangan yang melabur di Labuan, saya rasa dengan izin, I think we have missed the whole point penubuhan IOFC. Kalau kita membenarkan mana-mana syarikat yang ingin mendirikan syarikat insurans di Labuan dan menggunakannya sebagai satu ukuran, berjaya atau gagalnya IOFC, ini mungkin akan menjadikan IOFC sebagai satu pusat yang menerima mana-mana pelaburan tanpa menentukan latar belakang mereka. Kerajaan pun tidak mahu IOFC dijadikan satu 'money laundering centre', tentu dari segi insurans perkara ini tidak timbul, tetapi kalau inilah rasional, inilah tujuan atau matlamat pihak kementerian membawa rang undang-undang ini untuk mengurangkan keperluan modal minimum supaya dapat menarik masuk lebih banyak syarikat insurans tanpa menentukan prestasi kewangan atau latar belakang mereka, saya rasa itu mungkin dari segi falsafah (philosophy) dan matlamat utama adalah sangat salah. Kita tidak mahu IOFC menjadi, saya tegaskan lagi sekali, dengan izin, money laundering centre. Sungguhpun di pusat-pusat luar pesisir lain seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Labuan seperti Cayman Islands dan sebagainya mempunyai keperluan modal minimum yang lebih rendah. Saya rasa pokoknya ialah sama ada kita mahu menjadi satu pusat yang mendapat keyakinan daripada institusi-institusi kewangan yang lain, dengan izin, do you want to be respectable or do you want to be disreputable? Kita tentu mahu menjadi kaya, tetapi kaya dengan cara, dengan izin, respectable bukan kaya dengan cara disreputable. Saya rasa ini adalah perkara yang amat penting kerana ada pusat atau IOFC lain di dunia yang berjaya dan kaya, tetapi completely, dengan izin, utterly and completely disreputable.

Kerajaan Malaysia saya rasa tidak mahu mencemarkan nama baik kewangan, nama baik ekonomi negara dengan mempunyai disreputable IOFC, lebih-lebih lagi apabila amalan rasuah menjadi tajuk hangat dan penting di minda dan pandangan bukan sahaja rakyat tempatan di Malaysia, tetapi di peringkat antarabangsa. Kalau ini dibenarkan ada satu gambaran banyak pemimpin kerajaan mengamalkan rasuah dan ini pula di'facilitated' atau dipermudahkan dengan peraturan-peraturan yang longgar, yang terpakai untuk IOFC ini. Oleh sebab itu, saya harap pihak kementerian boleh menjelaskan, kerana nampaknya ada satu pertikaian atau percanggahan di antara 'norma', di antara alam dan iklim yang terpakai untuk syarikat insurans domestik dengan yang terpakai untuk syarikat-syarikat insurans bagi IOFC.

Kalau kita lihat dari segi falsafah Akta Insurans 1996 yang baru kita luluskan tahun lepas, adalah dinyatakan dengan jelas bahawa tujuan utama penyeliaan insurans adalah:

- (i) untuk melindungi kepentingan orang awam;
- (ii) untuk menggalakkan keadilan dan kesaksamaan;
- (iii) memupuk kekompetenan; dan
- (iv) untuk memainkan peranan pembangunan.

Jadi, dari segi efisiensi, dari segi ekuiti dan dari segi kemajuan, ketiga-tiga ini sudah termasuk dalam tujuan dan matlamat penyeliaan insurans yang terselit, yang tersirat di bawah Akta Insurans 1996. Kalau kita lihat juga dari segi keperluan, modal minimum, saya rasa jumlah yang diperuntukkan adalah satu jumlah yang boleh dianggap tinggi di mana ia adalah perlu untuk memberikan keyakinan kepada orang ramai, tetapi yang penting sekali memupuk atau membentuk satu perasaan bertanggungjawab di kalangan syarikat insurans, bahawa mereka tidak boleh mempermain-mainkan atau

memperjudikan tabung wang yang diamanahkan kepada mereka, tetapi mesti diuruskan dengan baik, dengan elok dan sempurna. Modal pinjaman yang ditetapkan seperti yang saya katakan tadi dalam lingkungan RM20 juta hingga RM100 juta.

Di sini RM1 juta telah dikurangkan kepada RM300,000. Jadi, apakah falsafah Yang Berhormat Timbalan Menteri berminat dan sangat suka untuk berhujah, memberi kuliah tentang falsafah. Oleh itu saya harap beliau boleh menjelaskan falsafah pihak kementerian di belakang. Sungguhpun dari segi teknikal kewangan, ini boleh dianggap perlu oleh pihak Bank Negara ataupun oleh pihak IOFC Labuan untuk memperbanyakkan lagi Syarikat Insurans Luar Pesisir, tetapi saya hendak balik kepada hujah pertama. Apakah jenis Syarikat Insurans Luar Pesisir yang kita hendakkan? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyatakan apabila kita mahu kemajuan ekonomi, kita mahu perkembangan ekonomi, kita sekarang hendak perkembangan ekonomi berteraskan produktiviti. Will be productivity driven, Tuan Yang di-Pertua, not input driven. Productivity driven not input driven. Itu sebabnya GNP kita tidak berapa memberangsangkan, kerana terlalu banyak berdasarkan hanya kepada labour input atau capital input di mana kedua-dua input ini tidak boleh dicantumkan dengan cara yang lebih efisien sekali. Oleh yang demikian, kalau kita hendak.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Cuma hendak memperbetulkan statement TFP tidak berapa memberangsangkan.

Tuan Lim Guan Eng: Sila. Sila.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sebab dia terkeluar. Saya akan menjawab mengenai insurans nanti.

Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kota Melaka, apakah peningkatan TFP pada tahap 3% setahun tidak memberangsangkan?

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa kalau kita lihat daripada kajian-kajian yang kita perolehi, 3% setahun kalau ia benar tentulah memberangsangkan, tetapi kita mesti lihat daripada tahap mana ia meningkat. Kalau daripada tahap yang rendah ia meningkat setakat 3%, ini sesuatu yang kita tidak boleh rasa bangga. Umpamanya apabila mula dari satu base yang agak rendah, kita harapkan satu peningkatan 8%, 9% atau 10%, tetapi kalau kita bermula dari base yang agak tinggi dan mengikut law of diminishing marginal return, saya rasa Yang Berhormat pun biasa tentang law of diminishing marginal returns ini terhad. Oleh sebab itu kita mesti lihat mana base yang kita mula, kalau kita lihat daripada kajian yang diberikan sama ada ekonomis dan yang saya ambil daripada McKinsey Analysis, dan juga daripada IMF dan World Bank. Setakat tahun 1992 saya masih belum dapat angka-angka yang terkini, tetapi setakat 1992 ia belum mencapai satu tahap yang memberangsangkan. Unjuran angka-angka yang diberikan oleh pihak kerajaan saya rasa amat diragukan.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya akan beri, tetapi biarkan saya habis hujah ini - amat diragukan, seperti yang saya katakan tadi.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri memberikan angka-angka tentang balance of trade, tetapi ia berbeza dengan apa yang dikeluarkan oleh Laporan Bank Negara. Itu saya rasa ada satu perbezaan yang amat ketara sekali. Jabatan Perangkaan cakap angka macam itu, tetapi Bank Negara cakap

lain. Apakah yang telah berlaku ini? Ini akan menimbulkan kekeliruan di antara pelabur-pelabur asing. Sila.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, berbincang mengenai dengan statistik, saya hendak mula tadi mengenai dengan peningkatan. Okay, kita kata Malaysia total factor of productivitynya (TFP), untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Kepong mungkin dia tidak tahu TFP - total factor of productivity melebihi 3% setahun.

Seperti Yang Berhormat kata, saya memang setuju kalau mula dengan base yang kecil, dia mesti tinggi, kalau mula base yang besar macam di Amerika Syarikat dia mesti rendah. Tetapi Yang Berhormat mesti ingat bahawa satu faktor lagi di kalangan negara-negara membangun ialah incremental capital output ratio, yang ini Kepong tahu sebab 3 tahun dahulu dia ada bersyarah mengenai ini. Incremental capital output ratio di negara kita adalah rendah. Kebanyakan kos-kos input yang kita bubuh di dalam pembangunan prasarana negara kita masih lagi merupakan 'sunken cost', dia tidak boleh mengeluarkan produktiviti yang cepat (instant), dengan izin. Walaupun Yang Berhormat kata tadi ada rasionalnya, tetapi pada peringkat ini kita tidak boleh pakai hujah itu lagi oleh sebab sunken cost kita masih banyak.

Yang kedua, mengenai apa Yang Berhormat kata kepada Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tadi. Sebenarnya, Yang Berhormat sedia maklum bahawa statistik itu adalah dinamis. Laporan daripada Treasury, Laporan Bank Negara adalah diambil pada satu-satu masa. Laporan Treasury dahulu, selepas itu Laporan Bank Negara, diambil pada satu masa dalam setahun. Pada masa itu keadaannya berlainan, misalannya di dalam Laporan Bank Negara, defisit akaun semasa adalah di'lump'kan (lumping) mengenai defisit akaun semasa RM2.8 bilion disebabkan

kita hanya dapat figurenya pada masa itu. Ini adalah disebabkan keadaan dinamik. Oleh sebab itu, perbezaan antara statistik Treasury, statistik Bank Negara dan statistik-statistik department mesti berbeza, tidak boleh sama. Tetapi yang pentingnya statistik daripada Statistic Department itulah yang paling muktamad. Jadi, Yang Berhormat, di dalam keadaan ini kita tidak boleh melihat daripada perspektif statis, ianya adalah dinamis. Kalau Yang Berhormat mengkaji ilmu ekonomi lebih mendalam macam Yang Berhormat dari Tumpat memang Yang Berhormat faham tentang hakikat ini. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin mulakan dengan hujah kedua oleh Yang Berhormat tadi. Saya rasa kalau kita mengamati Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia, tarikh yang ditandatangani oleh Gabenor ialah 28hb. Mac 1997 dan jawapan tadi - hari ini ialah 15hb. April, hanya 17 hari sahaja - 17 hari sudah berlainan. Bukankah ini menunjukkan bahawa statistik ini hanya satu unjuran, statistik seperti satu buku yang saya telah baca 'Statistics sometimes are no different from lies and damned lies', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua Oleh sebab itu saya rasa kita

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju statistik adalah dinamik, kita tidak boleh mengambil satu-satu angka statistik itu. Sometimes statistics are damned lies, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Misalannya jikalau range itu, kalau sesuatu perkara yang penting di dalam statistik ialah central tendency. Kadang-kadang Yang Berhormat tahu bahawa satu perkiraan central tendency itu tidak menunjuk keseluruhan ceritanya dan kalau range berlainan, queue berlainan ia adalah statistics are damned lies seperti Yang Berhormat kata - saya setuju, tetapi kita mestilah pandai menggunakan statistik itu untuk menunjukkan realiti. Yang Berhormat faham tetapi sengaja hendak membuat isu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa mungkin Yang Berhormat lebih faham, itu sebab lebih pandai pada isu daripada saya. Tetapi yang penting sekali, kalau kita lihat 17 hari perbezaan dan tentang unjuran atau ramalan yang dibuat oleh analisa-analisa luar negeri, itu yang menyokong pandangan saya bahawa sungguhpun kerajaan berkata sekian-sekian defisit akaun semasa, sekian-sekian balance of payment, finally sama ada ada surplus atau tidak. Saya rasa berbanding dengan analisa luar negeri jauh berbeza. Bukankah ini menunjukkan bahawa untuk pelabur-pelabur asing mana mereka akan percaya kalau mereka lihat tentang laporan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia sendiri ada tiga angka yang berlainan. Satu, Bank Negara, lepas ini Kementerian Kewangan, lepas itu Jabatan Perangkaan. Kalau ini timbul, saya rasa untuk pelabur-pelabur asing, mereka pun akan akui. Itu sebab akan mencenderungkan mereka, mungkin mempercayai angka-angka yang dikeluarkan oleh analisa kewangan luar asing. Itu hujah saya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya habiskan sedikit. Oleh kerana yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa ketiga-tiga, sama ada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan Bank Negara supaya kita tuntas, konsisten. Jangan 17 hari angka berlainan, apa ini? Kita tidak mahu membuktikan, dengan izin, statistics are they life? Kita hendak membuktikan.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya, sila, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Timbalan Menteri dahulu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sekejap. Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur asing tidak pernah ragu tentang perbezaan statistik ini kerana mereka memahani tentang dynamism of statistics, dengan izin.

Masalahnya, saya hendak komen mengenai dengan statement Yang Berhormat berkenaan penganalisa asing luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, penganalisa asing luar negara dia melihat daripada sudut yang berlainan. Macam saya kata tadi mengenai dengan incremental capital output ratio yang masih rendah di negara kita, mereka tidak ambil. Di dalam discipline economic, Yang Berhormat, banyak model yang digunakan di dalam cabang econometrics. Jadi, apa yang digunakan oleh penganalisa luar negara, dia memandang dari segi financial analysis sahaja, dia tidak memandang dari segi keseluruhan economic analysis. Jadi, kalau dia ambil daripada keseluruhan economic analysis, banyak faktor lain dimasukkan.

Yang Berhormat sebagai akauntan sedia maklum, di dalam mana-mana kita buat assessment project, kita ada dua; satu, financial internal rate of return, dan satu lagi, economic internal rate of return. Selalunya internal rate of return adalah merupakan yang lebih sivil, dia memandang projek itu terlalu sivil. Tetapi apabila diambil economic internal rate of return, barulah kita lihat dengan lebih jelas kedudukan sosio-ekonomi negara itu. Jadi, Yang Berhormat, apabila kita memakai kedua-duanya kita kena tengok apa econometric model yang digunakan di dalam penganalisaan ini. Oleh itu, pelabur-pelabur luar negara dia lihat kedua-duanya. Sebab itu, dia mempercayai, dia mempunyai keyakinan terhadap negara kita kerana dia tahu membaca statistik ini dan dia

menggunakan statistik ini dengan cara yang betul. Inilah intervention yang paling akhir, saya tidak mahulah beri peluang balik kepada insurans.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu tentang 'ICOR'. Tadi Yang Berhormat sebut tentang ICOR. ICOR yang rendah untuk Malaysia saya rasa pun ada banyak ukuran, tetapi kalau saya hendak memberikan dengan secara terperinci ICOR Malaysia, saya rasa two third pun tentang IRR dan saya lebih berminat gunakan NPV daripada IRR sama ada economic internal rate of return kerana ia tidak mengambil kira inflasi. Oleh sebab itu, saya rasa ada banyak perbezaan di antara ukuran-ukuran yang digunakan oleh pakar ekonomi atau akauntan. Tetapi yang lebih penting, kalau kita sebuah kerajaan, yang saya hendak tegaskan di sini bahawa kementerian mesti ada sedikit koordinasi, mesti ada sedikit penyelarasan. Kalau antara commission dan kewangan dan kementerian MITI pun tak ngam, tak boleh mempunyai persefahaman tentang angka-angka ini, saya rasa ini bukanlah satu gambaran yang baik, yang meyakinkan kepada pelabur-pelabur asing. Inilah saranan saya, lebih-lebih lagi apabila perbezaan berlaku dalam masa dua minggu atau tiga minggu. Ini saya rasa satu keadaan yang boleh dianggap sungguh aneh dan luar biasa sekali.

Berbalik kepada tajuk utama saya tentang nampaknya ada keadaan yang tidak konsisten apabila kerajaan hendak meningkatkan modal minimum dan juga supaya dapat memperkukuhkan prestasi atau kedudukan syarikat kewangan. Pada masa yang sama Bank Negara menjalankan langkah ini, kita pula menjalankan satu reverse drive, dengan izin, dengan menurunkan pula keperluan modal minimum.

Di sini kekhuatiran saya ialah tentang jenis yang kita hendak menarik. Seperti yang saya katakan tadi, kalau kita berteraskan produktiviti, saya rasa mutu atau quality is better than quantity. Dalam segi kewangan, saya rasa prinsip ini selalunya untuk satu

sektor yang kita hendak pengurusan yang baik dan sempurna, kita selalu tegaskan, quality is much better than quantity. Kalau kita bercakap tentang pasaran-pasaran modal, dana, tentu kita perlukan spekulatif likuiditi. Itu sebab dalam KLSE, itu adalah satu elemen, satu unsur yang sangat penting. Mungkin inilah sebab kerana kekeliruan yang timbul, sama ada dari segi angka dan juga dari segi falsafah kewangan pihak kementerian yang menimbulkan pelbagai reaksi apabila sesuatu berlaku.

Macam baru-baru ini sungguhpun semua bursa saham di negara lain turun, tetapi KLSE yang paling teruk sekali. Kita perlu lihat mengapa? Mengapa KLSE boleh turun dengan paling teruk sekali berbanding dengan bursa-bursa saham di negara-negara lain. Saya rasa ini satu dari sebab mungkin dari segi kekeliruan tentang falsafah ekonomi yang terpakai oleh pihak kerajaan. MITI pakai satu falsafah, Kementerian Kewangan pakai falsafah lain dan Bank Negara juga pakai falsafah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya juga ingin mendapat tahu daripada pihak kementerian tentang pengawalseliaan yang dipakai oleh Bank Negara terhadap syarikat-syarikat insurans luar pesisir. Adakah syarikat-syarikat insurans luar pesisir telah mempunyai, kalau kita boleh kata volume yang boleh dianggap memberangsangkan. Kalau tidak, bolehkah pihak kementerian melihat apakah sebab-sebab yang menyebabkan sektor syarikat ini tidak boleh maju seperti yang mereka harapkan. Kalau adalah setakat keperluan modal sahaja, saya tidak yakin ini merupakan punca sebab utama, kerana kalau dalam di rantau ASEAN, saya rasa dalam pengetahuan ekonomi Malaysia, kita sepatutnya mempunyai tarikan yang unik dan tersendiri dan tidak ada sebab mengapa IOFC Labuan tidak boleh berjaya. Adakah kerana Labuan ini telah menyebabkan kerajaan membantutkan promosi satu flagship application, dengan izin, MSC, iaitu sebagai satu free transfer of fund, dengan izin, supaya perkembangan kewangan Labuan tidak terjejas.

Adakah matlamat atau falsafah ini boleh dianggap wajar, dianggap baik dan dianggap cerdik memandangkan kalau kita hendak menjayakan MSC kita perlu memastikan free fund transfer boleh dilakukan dalam MSC tanpa sebarang halangan, kerana kalau dari segi dana wang tidak boleh bergerak dengan bebas, saya rasa adalah sukar untuk menjayakan MSC.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengawal syarikat-syarikat insurans ini saya ingin mendapat tahu sama ada Bank Negara ada melihat kontrak-kontrak insurans yang mereka sediakan supaya terma-terma yang ditawarkan tidak menimbulkan kekeliruan. Yang penting sekali apabila satu polisi insurans dikeluarkan dan sesuatu yang tidak diinginkan berlaku yang kita harapkan bahawa kedua-dua pihak boleh mencapai satu persefahaman tentang bayaran yang perlu dibuat. Tetapi dalam perkara ini, saya menimbulkan perkara ini kerana ada satu kes yang melibatkan sebuah insurans domestik - ini dalam perkara domestik - di mana nampaknya Bank Negara tidak mahu melihat dengan terperinci syarat-syarat dalam polisi insurans.

Ada sebuah syarikat insurans bernama Aetna Insurans yang dahulunya Universal General Life Insurance, tetapi telah dinamakan Aetna Insurans selepas diambil alih oleh syarikat daripada Amerika Syarikat. Dalam terma polisi insurans mereka, mereka ada satu clause iaitu dalam fasal pertama, mereka ada clause yang dinamakan 'incontestability clause', dengan izin, ini bukan dalam bahasa Malaysia tetapi dalam bahasa Inggeris di mana ia dinyatakan dengan jelas sekali bahawa kalau seseorang telah membayar premium dia dan juga telah memegang polisi selama dua tahun, polisinya akan dibayar tanpa soalan. Dengan kata lain, ini dari segi fahaman orang biasa tentang fasal ini, kalau seseorang yang membeli insurans nyawa (life insurance), dia membeli insurans ini dan membayar premium selama dua tahun. Kalau melebihi tempoh dua tahun, apa-apa yang

berlaku syarikat insurans tetap akan bayar. Sebelum fasal ini diperkenalkan, mereka pun ada satu fasal yang serupa tetapi mereka memberikan dua exemption clauses, dengan izin, iaitu yang pertama, mesti memenuhi syarat dua tahun, kecuali, satu, tidak bayar premium - habislah, luput; dan yang kedua, fraud, kalau ada penipuan. Selepas ia diambil alih oleh Aetna dan dinamakan Aetna, peruntukan fraud atau penipuan telah dikeluarkan. Bermakna, dengan izin, that except for non payment of premium, any policy that exceed two years will be paid in full by the insurance company.

Saya ada satu kes di Melaka yang melibatkan satu jumlah yang bukan besar, agak kecillah, iaitu mengenai Lee Yoke Hak @ Lee Yoke Choon di mana polisi nombornya ialah 10355840-09 Aetna di mana pembeli insurans (the insured) telah meninggal dunia selepas memegang polisi dan membayar polisi mengikut masa lebih dua tahun. Jumlahnya agak kecil iaitu sebanyak RM50,000 tetapi sungguhpun ia dikatakan gagal memberitahu syarikat insurans bahawa dia ada kanser hidung atau kalau kita hendak mengikut terminologi perubatan - 'nasofforenaigel-casinoma'. Kerana dia tidak memberitahu bahawa dia ada kanser hidung, itu ungkapan orang biasa, syarikat insurans tidak mahu bayar sungguhpun dalam fasal pertama ada 'incontestibility clause' iaitu syarikat insurans tidak boleh mencabar tuntutan oleh benefisiari.

Tentu sekali syarikat ini menyatakan bahawa dalam Akta Insurans 1963 kerana ini berlaku sebelum Akta Insurans 1996, tetapi mengikut seksyen 15C(4) Akta Insurans 1963, syarikat insurans tidak boleh membenarkan mana-mana polisi atau membayar apa-apa bayaran untuk polisi di mana terlibat unsur-unsur penipuan. Tetapi kalau sesebuah syarikat insurans ingin, dengan izin, contract out of this fraud clause, beliau harus memenuhi janjinya kerana pada asalnya dia ada dua exemption clause iaitu kalau tidak bayar premium dan kalau ada unsur-unsur penipuan tetapi unsur-unsur penipuan ini telah dikeluarkan selepas ia dinamakan Aetna.

Di sini kalau dari segi kontrak atau dari segi undang-undang kerana ada statut yang sedia ada, sesebuah syarikat insurans kalau dia hendak bayar, sungguhpun ada timbul unsur-unsur penipuan, dia tidak boleh berbuat demikian. Saya harap Bank Negara boleh

meneliti perkara ini supaya cakap dengan jelas, ‘incontestability clause’ ini mesti terang. Kalau tidak, saya takut nanti ada ejen-ejen insurans akan keluar semasa menjual insurans cakap, ‘you ada apa-apa penyakit tidak ada masalah. Yang penting you mesti boleh hidup dua tahun. Kalau you boleh tahan lebih dua tahun, kalau apa-apa berlaku, you punya waris tentu boleh dapat bayaran.’ Ini yang kita hendak elakkan.

Di sini kita tidak tahu sama ada ejen insurans ada membuat janji seperti ini kerana dia sudah mati. So, a dead man tell no tales, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi ini satu perkara besar, kerana kalau ini tidak dibenarkan, saya rasa Bank Negara patut beritahu dengan jelas, ‘ini tidak dibenarkan.’ Kerana kalau tidak nanti orang biasa mereka tidak tahu, mereka ingat ‘oh, saya ada kanser. Kalau saya boleh tahan dua tahun, saya tidak beritahu syarikat insurans, saya tetap beli polisi RM100,000 atau RM200,000.’ Biasanya syarikat insurans tidak akan menjalankan pemeriksaan perubatan yang terperinci dan mendalam. Ini mungkin berlaku. Kalau selepas ini mereka masih tidak dapat, saya rasa dari segi premium mereka sudah rugi, bukan sahaja dari segi insured amaun tidak boleh dapat, tetapi premium mereka pun sudah rugi.

Oleh sebab itu, saya harap perkara ini bolehlah diambil perhatian oleh pihak kerajaan kerana kita tidak mahu timbul satu keadaan di mana pihak yang tidak bertanggungjawab boleh mengambil kesempatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Batu Pahat.

4.47 ptg.

Tuan Mansor bin Masikon [Batu Pahat] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan pemindaan Akta Insurans Luar Pesisir 1990. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana sungguhpun akta ini hanya baru beroperasi selama enam tahun, ia telah

mengadakan pindaan yang begitu hebat. Saya percaya dengan adanya pindaan ini, Labuan akan mudah menjadi satu pusat insurans dan reinsurans centre yang dinamik bagi kawasan rantau ini.

Tetapi setakat ini saya tidak puas hati di atas perkembangan Labuan sebagai pusat offshore insurance kerana tidak berkembang sebagaimana yang kita cita-citakan. Sungguhpun industri insurans di rantau Asia dan South-East Asia ini adalah satu perniagaan yang besar, maka Labuan setelah ditubuhkan selama enam tahun seharusnya sudah menjadi satu pusat yang begitu hebat dengan banyak syarikat insurans, insurans semula, underwriting pool dan sebagainya ditubuhkan di Labuan, tetapi ini tidak berlaku. Saya mencadangkan kepada kementerian supaya mengkaji satu model bagi dijadikan contoh, kita jadikan satu model setelah kita mengkaji insurance centre seperti Hong Kong, Bermuda, Isle of Man, Isle of White dan lain-lain. Ini boleh dijadikan contoh bagi menjadikan Labuan sebagai satu offshore insurance centre yang dinamik.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, perniagaan insurans di rantau ini adalah satu perniagaan yang paling besar. Tetapi Labuan tidak dapat mempengaruhi perniagaan ini supaya melalui centre ini sungguhpun kita telah mengadakan perundangan dan insentif-insentif yang tertentu, mungkin lebih kompetitif daripada insurance centre di tempat-tempat yang lain.

Saya juga ingin kementerian mengkaji mengapa insurans industri Singapura, sungguhpun basenya ataupun the insurance base is very small, dengan izin, tetapi volume perniagaannya lebih kurang sama dengan Malaysia. Mengapa Labuan terjadi demikian? Ini tidak lain dan tidak bukan ialah kerana Singapura dapat mengadakan infrastruktur bagi insurans dan reinsurance menjalankan perniagaan mereka hinggakan semua industri insurans yang terbesar dan terkenal di dunia, semuanya mengadakan pusat ataupun centre

for the South-East Asia operation di Singapura. Dengan sebab itu, Singapura mendapat perniagaan insurans yang lebih besar daripada Malaysia sekarang ini.

Saya juga kurang puas hati sungguhpun beberapa syarikat insurans kompeni yang didaftarkan di Labuan telah beroperasi, tetapi tidak menunjukkan kemajuan yang begitu pesat. Umpamanya, Labuan Reinternational yang ditubuhkan dengan modal yang besar, tetapi setakat ini belum memainkan peranan yang diharapkan bagi membendung pengaliran besar premium insurans semula ke luar negeri. Di dalam perbahasan Rang Undang-undang Insurans 1996, pada tahun lalu saya menyatakan bahawa industri insurans di Malaysia akan berkembang dengan begitu pesat. Ini terbukti di dalam Laporan Director General of Insurans bagi tahun 1995 yang menunjukkan pertumbuhan industri insurans pada keseluruhannya pada tahap melebihi 10%.

Di dalam bidang reinsurance umpamanya, saya ingin menyentuh perkara ini sekali lagi kerana pengaliran keluar premium daripada negara ini sudah bertambah begitu besar. Pada tahun 1995 umpamanya ia belum mencapai RM1 bilion. Tetapi pada tahun 1996 ia akan mencapai kira-kira RM1.3 bilion. Pertumbuhan ini akan terus-menerus kerana ekonomi kita sedang mengembang. Saya juga telah mencadangkan supaya selain daripada kerajaan meminta syarikat-syarikat insurans menambahkan modal masing-masing supaya kapasitinya bertambah, tetapi saya suka mencadangkan supaya beberapa syarikat insurans semula tempatan diberi lesen. Tetapi di dalam masa yang sama kerajaan juga telah memberikan lesen-lesen insurans semula kepada enam buah insurans semula asing.

Ada di hadapan saya ini Laporan Ketua Pengarah, saya menyebut nama-nama insurans asing yang telah diberi lesen, iaitu GERLING, GIO, HANNOVER RE, HSB Engineering, Munich-Re, Swiss-Re, ada enam kompeni. Jadi, ada di Malaysia tujuh

syarikat reinsurance kompeni, cuma satu syarikat local ataupun tempatan. Yang lain adalah syarikat-syarikat asing yang telah diberi lesen untuk menjalankan perniagaan ataupun perniagaan insurans semula.

Saya telah menyatakan jika sekiranya kerajaan mahu berterusan, saya minta kementerian memberikan penerangan apakah kebijaksanaan kerajaan diadakan memberikan lesen-lesen kepada syarikat-syarikat asing ini? Saya telah menyatakan syarikat-syarikat asing ini akan menjadi satu post office bagi mereka mengalirkan lebih banyak lagi premium insurance semula ke luar negeri. Ini sudah dibuktikan sungguhpun saya sudah menanya kepada Timbalan Menteri pada masa itu, dan beliau menjawab kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan tertentu. Tetapi pengaliran ini sedang berlaku seperti di dalam report ini. Jadi, saya berharap Timbalan Menteri akan dapat menerangkan perkara ini mengapa sungguhpun kita berjanji kita akan memberi lesen-lesen insurans semula ini kepada syarikat-syarikat asing dengan tujuan supaya pembendungan, pengaliran premium reinsurance semula ini tidak berlebihan, tetapi sebaliknya sekarang ini kita ternampak dan terbukti bahawa pengaliran premium insurans semula ini bertambah begitu besar.

Saya berharap saranan saya supaya kerajaan memberikan lesen-lesen insurans semula bagi membolehkan pembendungan yang lebih besar, bagi membolehkan pembendungan yang lebih efektif kepada pengaliran keluar insurans semula yang saya sebutkan tadi. Sepatutnya lesen-lesen insurans semula ini diberikan untuk mereka beroperasi di Labuan sebagai offshore insurance company, tetapi kita telah berikan lesen-lesen ini di dalam negara. Jadi, saya rasa ini sungguhpun telah berlaku, saya berharap kerajaan tidak meneruskan untuk memberi lesen-lesen reinsurance ini kepada syarikat-syarikat asing yang sedang memohon.

Saya telah menyatakan juga bahawa negara-negara lain seperti Jepun, Korea dan sebagainya, yang saya tahu, ia tidak membukakan pasaran insurans semula ini kepada syarikat-syarikat asing dengan begitu mudah. Kerana jika sekiranya dipermudahkan, maka kita menggalakkan pengaliran insurans semula yang lebih besar daripada apa yang kita hajatkan.

Jadi, mengenai Labuan sebagai insurance centre, saya berharaplah dengan adanya perubahan ataupun pindaan rang undang-undang ini, kita akan menjadikan Labuan sebagai sebuah reinsurance centre yang efektif. Sebagaimana juga yang telah disarankan oleh Yang Berhormat dari Labuan itu ada beberapa perkara yang perlu ditambah selepas daripada ini, umpamanya memberi lesen-lesen bagi menubuhkan underwriting pool dan sebagainya. Itu saya sangat setuju kerana saya tahu di mana-mana juga insurance offshore centre mesti mengadakan lesen-lesen bagi underwriting of businesses outside the country, dengan izin.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyarankan supaya syarikat-syarikat insurans yang berada di Malaysia ini mempertingkatkan modal berbayar masing-masing, kerana pertumbuhan perniagaan insurans di Malaysia ini akan berkembang dengan begitu baik. Jika sekiranya syarikat-syarikat insurans yang ada sekarang tidak mempertingkatkan modal berbayarnya, maka pengaliran keluar reinsurance ini akan bertambah dan syarikat-syarikat tempatan tidak akan dapat mengambil faedah daripada perkembangan ekonomi dan perkembangan perniagaan insurans di negara kita ini. Dan yang akan meraih keuntungan adalah syarikat-syarikat luar, seperti Singapura dan syarikat-syarikat asing yang sentiasa datang untuk membuat perniagaan sehalu dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Labuan itu terutamanya mengenai Labuan supaya ianya menjadi satu pusat insurans yang begitu canggih, yang begitu dinamik, perlulah diambil perhatian dan perlulah satu perancangan yang rapi ataupun satu tindakan yang tegas supaya Labuan ini akan menjadi satu pusat pertumbuhan insurans bagi kawasan ini dengan secepat yang

mungkin. Walaupun jangka masa enam tahun adalah satu masa yang singkat bagi industri insurans mengembang. Jika kita tidak mengambil suatu perancangan yang baik ataupun rapi, maka advantage bagi menjadikan Labuan sebagai pusat insurans pesisir ini akan hilang kepada pusat-pusat yang lain yang sentiasa mengharapkan pusat-pusat mereka berkembang dan memberikan keuntungan kepada insurance centre yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sedikit-sebanyak yang ingin saya sentuh di dalam perbahasan ini. Saya berharap saranan-saranan yang telah saya utarakan tadi mendapat perhatian daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong, selepas itu Timbalan Menteri diminta jawab.

5.00 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan harapan bahawa Pelabuhan IOFC akan menjadi satu pusat kewangan luar pesisir yang terunggul di dunia. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sedang menunggu cadangan saya, bagaimana kita dapat bersama-sama mencapai matlamat ini.

Dengan kepesatan pertumbuhan pembangunan negara ini, kita terpaksa mencari punca-punca modal daripada pelbagai tempat, satu puncanya ialah Pelabuhan IOFC. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa di Labuan walaupun berfungsi, beroperasi lebih enam tahun, tetapi prestasinya tidak begitu baik. Ada setengah-setengah itu boleh tahan, tetapi setengah-setengah itu tidak begitu baik, saya akan terangkan mengapa tidak begitu baik. Kita mestilah berikhtiar untuk memastikan Labuan IOFC bebas daripada 'money laundering'.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat berpuluh-puluh atau beratus-ratus bilion ringgit wang dadah di sekitar ini dan ke manakah wang ini pergi? Kemanakah perginya beratus-ratus atau berbilion-bilion ringgit wang dadah?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang adanya kira-kira 800 syarikat luar pesisir di Labuan. 50 daripadanya ialah bank pesisir, 16 syarikat amanah dan hanya 8 atau 10 buah syarikat insurans pesisir. Itulah masalah kita, mengapa tidak banyak syarikat insurans yang bertapak di Labuan. Ini satu masalah pokok yang menjadi faktor utama untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir ini kerana kekurangan syarikat insurans pesisir di Labuan.

Dengan menurunkan keperluan modal minimum untuk memperolehi satu lesen untuk menjalankan suatu perniagaan insurans luar pesisir daripada RM1 juta kepada RM300,000, maka diharapkan ini akan merangsangkan syarikat-syarikat insurans bertapak di Labuan, sama ada kita dapat berjaya ataupun tidak masa sahaja yang dapat menentukan.

Pengurangan bilangan salinan akaun yang kena dikemukakan kepada Lembaga Kewangan Luar Pesisir Labuan adalah lebih menarik daripada sekarang bagi bakal-bakal pelabur. Walau bagaimanapun, setakat mengadakan subseksyen baru 5 yang dicadangkan untuk memberi lembaga bagi memperolehi apa-apa maklumat pada dan bila perlu adalah tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang Bank Negara dan juga LOFSA yang mengawalselia semua aktiviti insurans atau insurans semula di negara ini. Pada pendapat saya, walaupun ada usaha daripada Bank Negara untuk meningkatkan keberkesanan kawalseliaan tetapi tidak mencukupi, kalau dilihat aktiviti-aktiviti insurans di negara ini dan juga terutamanya insurans semula begitu rendah tahapnya.

Adalah perlu bagi kita mewujudkan bahagian khas ataupun inspektorat khas untuk syarikat-syarikat insurans luar pesisir dan insurans semula luar pesisir di Labuan kerana kita berharap bilangan syarikat insurans ini akan bertambah mungkin kepada 50, 100 ataupun 200 buah syarikat insurans luar pesisir dan dengan demikian, Bank Negara tidak mampu bagi pendapat saya untuk mengawalselia semua syarikat di luar pesisir.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Labuan bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ah! Saya hendak tolong dia, tetapi sekarang nampak sibuk sangat.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Sebelum Yang Berhormat rakan saya dari Kepong ini berjalan lebih jauh. Tadi disebutkan tentang penurunan keperluan modal permulaan daripada RM1 juta kepada RM300,000. Saya tidak dengar Yang Berhormat tidak bersetuju. Tetapi rakan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka mempunyai kesangsian, apakah Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya menjadi Yang Berhormat ‘batu api’ pula sekarang ya. *[Ketawa]* Saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Labuan!

Tuan Yang di-Pertua, suka saya teruskan pandangan saya mengenai keperluan untuk mengadakan cawangan atau inspektorat khas di Labuan untuk mengawalselia semua aktiviti insurans dan insurans semula.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat pada mulanya Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan, maka wang yang diperlukan untuk pembangunan adalah bertambah daripada Wilayah Persekutuan. Dengan adanya wang pembangunan misalnya hanya

daripada Rancangan Malaysia Keenam, hampir RM71 juta ataupun RM90 juta yang diperlukan untuk membangunkan prasarana-prasarana di Labuan.

RM73 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam dan sekarang kita tambahkan lagi beratus-ratus juta ringgit untuk membangunkan prasarana-prasarana di Labuan. Dan juga kita dapat Hospital Labuan yang baru yang menelan belanja RM71 juta dan juga sebuah 'Labuan Community Centre' yang baru, kalau tidak silap saya. Di Ampang pun tidak ada yang baru, tetapi di Labuan sekarang sudah ada dah, Labuan Community Centre yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tak silap saya tak pernah pergi ke Ampang. Macam mana Ahli Yang Berhormat tahu tidak ada kemudahan yang sedemikian?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada Majlis Perbandaran Daerah Ampang Jaya yang baru. Hah! Kalau 'Ampang Community Centre' baru, saya tak nampak [*Ketawa*] kerana di Labuan sahaja dia menelan belanja RM8 juta. Hah! Memang Tuan Yang di-Pertua pun bersetuju dengan saya sekarang ini. [*Ketawa*] Dia ada majlis daerah baru, sebab itulah berasa bangga sedikit, tetapi dia tak tahu tidak ada 'community centre' yang baru. Tak serupalah 'majlis' dan 'community centre'.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu bukan sahaja macam itu ia juga sebuah pulau yang bebas cukai. Itupun setakat ini kita tahu tempoh untuk menikmati tawaran ini bagi pelancong-pelancong dikurangkan daripada 72 jam kepada 24 jam sekarang. Itu kemudahan yang diberi kepada Labuan. Dan kadar telekomunikasi sekarang sudah ditingkatkan sedikit, walaupun tidak begitu sempurna tetapi ada peningkatan sedikit. Dan pelbagai kemudahan telah pun disiapkan di Labuan dan dengan ini kita berharap

sebagai punca kewangan, punca modal, Labuan boleh memainkan peranan yang lebih bermakna, lebih dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang hendak saya bangkitkan ialah dengan pelaburan, dengan pembangunan di Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, peranan Labuan untuk mengukuhkan Kuala Lumpur sebagai pasaran modal dan kewangan, dengan izin, capital and financial markets, peranan sebagai tambahan kepada usaha kita di Kuala Lumpur. Jangan Ahli Yang Berhormat dari Labuan atau Yang Berhormat 'batu api' ini mengangap Labuan itu diasingkan daripada Kuala Lumpur - itu tidak boleh dibenarkan!

Labuan tetap menjadi 'complement' kepada Kuala Lumpur, itu sahaja kita benarkan. Ya, jangan Ahli Yang Berhormat dari Labuan hendak mengasingkan diri daripada Kuala Lumpur, dia anggap dia besarlah sekarang.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Sangkaan jahat!

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tak apalah, sangkaan jahat pun tak apa!

Saya rasa Ahli Yang Berhormat kurang pasti apa peranan yang dimainkan oleh Labuan. Kita tahu kerajaan membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan serantau. Sudah tentu berbeza dengan teras pembangunan Labuan untuk dimajukan sebagai IOFC serantau. Jadi, kedua-dua ini sudah tentu yang berlainan.

Dan saya tidak menyatakan bahawa Labuan hanya menjadi pusat kewangan tersendiri, tetapi adalah diharapkan agar Kuala Lumpur membangun sebagai pusat

kewangan serantau juga ‘complement’ terhadap pembangunan Labuan sebagai IOFC dan begitu juga sebaliknya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebaliknya di sini, ini ibu kota kita, mana ada sebaliknya? Walhal Kuala Lumpur, Putrajaya, kita jadi pusat yang utama dan cawangan itu Labuan, ha, itulah caranya. Jangan kita tidak faham masalah di Malaysia sekarang.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Ahli Yang Berhormat duduk dekat Kepong, jadi, terkepong, jadi tidak tahu perkembangan yang sebenarnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu, kita hendak jadikan Labuan sebagai International Stock Exchange dan sebagai satu pusat untuk Sistem Kewangan Islam. Jangan kita anggapkan kerana kita galakkan Labuan menjadi IOFC dan juga menjadi International Stock Exchange, ha itu dia besar sangat, jadi cawangan Kuala Lumpur pun tak boleh dah sekarang ini. Jadi, satu ‘complement’ sahaja untuk Kuala Lumpur ini.

Saya berpendapat bahawa satu dasar mestilah digubalkan untuk menggariskan dan menjadikan aktiviti-aktiviti Labuan IOFC sebagai tambahan sahaja kepada Kuala Lumpur - ‘complement’. Ha itu tidak boleh dipertikai-kanlah Ahli Yang Berhormat dari Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, mengenai kecekapan perkhidmatan awam, bukan sahaja di Kuala Lumpur bahkan juga di Labuan mestilah dipertingkatkan. Kecekapan ini adalah terpenting untuk menggalakkan insentif-insentif dan enterprise atau usaha daripada sektor swasta dan juga kalau kita ada perkhidmatan awam yang cekap, kita boleh menarik pelabur-pelabur dari luar negara.

Selain dari itu, dalam pindaan rang undang-undang ini, kita berharap kecekapan perkhidmatan awam dapat dikaji dan juga dipertingkatkan. Kerana kalau kita setakat mengurangkan salinan permohonan, setakat mengurangkan keperluan modal kepada minimum, itu tidak mencukupi, kalau perkhidmatan sektor awam tidak dipertingkatkan. Ini satu perkara yang penting dan saya ada dengar ura-ura dan aduan-aduan mengenai kekurangan kecekapan setengah-setengah kakitangan awam di Labuan dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyiasat dan memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya nampak walaupun lapangan terbang itu sudah diperbaiki sedikit dan telekomunikasi adalah lebih baru sekarang dan satu pusat kewangan Labuan sudah pun diadakan dengan belanja yang tinggi. Pusat ini menelan belanja, kalau tidak silap saya hampir RM400 juta atau RM350 juta, satu kompleks di Labuan dan ini pun kita berharap kompleks ini akan menjadi satu pusat international offshore financial centre dan saya diberitahu bahawa ia sudah menjadi satu ibu pejabat kepada LOFSA. Ini tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menyaksikan satu trust pembangunan teknologi maklumat hendaklah juga ditumpukan kepada Labuan kerana saya nampak MSC ini di Kuala Lumpur kepada Putrajaya dan KLIA, itu sahaja. Mungkin kita daripada sekarang mempertimbangkan sama ada ia boleh diperluaskan kepada Labuan.

Saya ingat ini satu cadangan yang perlu dipertimbangkan kerana semua aktiviti kewangan sama ada insurans, bank ataupun syarikat-syarikat luar pesisir yang lain, kita berharap semua aktiviti ini boleh dijalankan melalui trust IT, “The IT Trust for all financial activities in Labuan”. Itu satu perkara yang mesti dipertimbangkan oleh pihak kementerian jangan kita tinggalkan Labuan dari segi MSC, masukkan ia dalam MSC dan ini menjadi satu tarikan kepada pihak pelabur untuk datang ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja kerana satu pindaan yang sangat singkat dan saya beri 4 cadangan.

Yang pertama, keperluan untuk mengadakan cawangan atau inspektorat insurans khas untuk syarikat-syarikat insurans dan syarikat insurans semula luar pesisir di Labuan.

Yang kedua, peranan Labuan untuk mengukuhkan sebagai tambahan atau compliment kepada Kuala Lumpur sebagai pasaran-pasaran modal dan kewangan dan

satu dasar mestilah digubal untuk menjadikan aktiviti-aktiviti luar pesisir Labuan IOFC sebagai tambahan kepada Kuala Lumpur.

Yang ketiga, kecekapan perkhidmatan awam mestilah dipertingkatkan termasuk di Labuan.

Yang keempat dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, trust pembangunan teknologi maklumat termasuk MSC hendaklah juga ditumpukan di Labuan untuk menjadikan Labuan lebih menarik bukan sahaja bagi syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank, bahkan juga untuk pelancong-pelancong kerana kita hendak menyaksikan Labuan menjadi bukan sahaja IOFC yang terkemuka di dunia bahkan juga destinasi pelancongan dan rekreasi yang sangat menarik untuk pelancong-pelancongnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Timbalan Menteri, sila jawab.

5.20 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat seramai empat orang yang telah membahaskan akta ini iaitu pindaan kepada insurans luar pesisir Labuan iaitu Yang Berhormat dari Labuan sendiri, Kota Melaka, Batu Pahat dan Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, percayalah pihak kerajaan akan melakukan apa sahaja untuk membangunkan Labuan yang mana dibangkitkan secara umum tadi oleh keempat-empat Ahli Yang Berhormat dan 4 cadangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu diambil notis dan kita akan memperbaiki Labuan dari keseluruhan aspek, infrastruktur fizikal dan juga infrastruktur kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kemajuan insurans luar pesisir pada masa ini belum lagi dapat dibanggakan iaitu sehingga 30hb. Mac 1997 selepas 6 tahun lebih terdapat 11 syarikat insurans, bukan 10 sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan dan berhubungan dengan insurans berbanding dengan 54 bank luar pesisir. Sektor ini masih belum lagi diteroka sepenuhnya dan pindaan undang-undang ini ialah untuk melonggarkan beberapa aspek pengawalseliaan dan memberi insentif juga kepada syarikat-syarikat insurans luar pesisir untuk menubuh dan memperbanyakkan lagi aktivitinya.

Tetapi setakat ini, semenjak penubuhan LOFSA pada tahun sudah, hasil daripada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh LOFSA sendiri, industri insurans luar pesisir di Labuan telah berkembang dengan pesat sekali. Dari segi jumlah lesen, tahun 1996 hampir semua jumlah lesen yang dikeluarkan iaitu 5 lesen berbanding dengan jumlah yang dikeluarkan dalam tempoh 5 tahun sebelumnya iaitu 6 lesen dalam masa setahun selepas penubuhan LOFSA iaitu LOFSA telah menjalankan kerja-kerja selaras dengan tujuan penubuhannya iaitu menggalakkan lagi penubuhan aktiviti kewangan di Labuan. Dan lebih menggalakkan lagi, Tuan Yang di-Pertua, jumlah aset industri ini telah meningkat sebanyak 325% daripada US\$32.5 juta kepada US\$138.2 juta pada tahun 1995. Modal yang dibayar pula meningkat kepada US\$105.9 juta iaitu tiga kali ganda daripada dalam tahun 1995. Pada masa yang sama premium kasar industri insurans meningkat daripada US\$6.3 juta kepada US\$35.8 juta iaitu peningkatan yang sungguh menggalakkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa industri ini masih lagi pada peringkat, dengan izin, infancy dan sedang membangun dan dengan lulusnya rang undang-undang pindaan akta ini kita harap usaha-usaha LOFSA untuk membangunkan

industri insurans luar pesisir di Labuan akan dapat diteruskan dengan lebih teratur dan dengan lebih pesat pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan dahulu. Beliau menyatakan kenapa kelonggaran ini dibuat separuh jalan? Saya hendak jawab di sini, apabila kita melonggarkan sesuatu memang kita buat separuh jalan. Kalau kita buat semua, ia tidak longgar dah, kita buka sahaja. Longgar maksudnya separuh jalan, jadi kelonggaran berbeza dengan keterbukaan sepenuhnya. Dalam kaitan ini Yang Berhormat membangkitkan soal mengenai mengapa hanya diberi kepada syarikat pengurusan sahaja, pengurus underwriting sahaja dibenarkan berurusan dengan syarikat insurans di luar Labuan iaitu tidak diberi kepada pengurus underwriting - minta maaf - mengapa diberi kepada pengurus sahaja, bukan kepada pengurusan underwriting.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa sekiranya pihak pengurus underwriting dibenar berurusan dengan syarikat insurans di luar Labuan, nescaya usaha untuk menarik syarikat insurans untuk beroperasi di Labuan akan terjejas. Jadi, kita longgar hanya untuk syarikat pengurusan sahaja. Begitu juga dengan syarikat broker kerana syarikat brokerage dibenarkan berurusan dengan syarikat-syarikat insurans di luar Labuan. Jadi di sini, pengurus underwriting, ataupun brokerage boleh menjadi ejen kepada syarikat insurans yang ada di luar pesisir. Ini kerana pengurus underwriting boleh mengeluarkan polisi insurans atas nama pihak ketiga manakala pengurus insurans tidak boleh berbuat demikian. Jadi, di sini kita hanya memberi liberalisasi kelonggaran kepada pengurus insurans sahaja kerana ianya akan membawa.....

Tuan Mansor bin Masikon: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:keuntungan kepada pihak insurans luar pesisir di Labuan.

Tuan Mansor bin Masikon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanyakan kepada Timbalan Menteri, jika sekiranya diberi lesen untuk mengadakan pengurusan underwriting ataupun underwriting management, bukankah tujuan kita untuk syarikat-syarikat ini meng'underwrite'kan premium-premium yang luar daripada pengaliran Malaysia? Maksud saya, syarikat-syarikat yang diberi lesen ini sepatutnya meng'underwrite' premium-premium yang didapati di luar daripada Malaysia iaitu di rantau Asia dan Asia Tenggara.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan undang-undang ini kita membuat dari satu peringkat ke satu peringkat yang ingin diberi kemudahan dahulu ialah syarikat pengurusan insurans. Jadi, jikalau kita memberi kepada syarikat underwriting, pengurus underwriting, maka ianya akan membantutkan pembangunan pada satu tahap iaitu tahap pengurusan insurans.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga membangkitkan mengenai Fasal 7 pindaan ini iaitu mengenai LOFSA meminta maklumat dari masa ke semasa daripada syarikat insurans. Beliau bimbang dengan perkara pindaan ini. Tuan Yang di-Pertua, tanpa maklumat yang cukup analisa tidak dapat dibuat dengan baik oleh pihak LOFSA. Soal LOFSA meminta maklumat daripada syarikat insurans luar pesisir tidak seharusnya menghilangkan keyakinan di kalangan syarikat insurans. Sebaliknya, ianya boleh meningkatkan lagi keyakinan kerana ini bermakna LOFSA dapat mengawal selia dengan

baik industri insurans kerana LOFSA akan sentiasa tahu dan peka dengan perkembangan dalam industri tersebut. Jadi, LOFSA meminta maklumat-maklumat.....

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Labuan bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: daripada syarikat insurans ini untuk tujuan mengemaskinikan pengawalseliaan, ianya tidak sekali-kali melanggar prinsip-prinsip kerahsiaan yang ada di dalam akta ini.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dua penjelasan. Yang pertama, saya mengatakan bahawa mengapa kelonggaran hanya berhenti di separuh jalan di mana kelonggaran hanya diberikan kepada pengurus insurans tetapi tidak dipanjangkan kepada pengurus underwriting. Saya ingin tahu dalam jangka panjang, apakah bukan menjadi objektif kita untuk memperolehi dan untuk menarik lebih ramai penubuhan sama ada syarikat-syarikat prinsipal insurans ini untuk menubuhkan syarikat mereka di Labuan. Maka dengan, pertama, wujudnya pengurus-pengurus underwriting ini di Labuan apabila kita mencapai suatu tahap di mana perniagaan itu sudah mempunyai suatu saiz dan pada tahap yang boleh dipertahankan, maka bukankah ini akan mendorong kepada penubuhan, lebih banyak syarikat, sama ada syarikat reinsurance ataupun syarikat parents companies yang di'underwrite' oleh pengurus underwriting ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya tidak mempertikaikan tentang pindaan kepada Fasal 7 ini yang memberikan kuasa kepada LOFSA untuk mendapatkan maklumat-maklumat tertentu daripada syarikat-syarikat yang beroperasi di sana. Saya tidak mempertikaikan soal keyakinan tetapi saya mempersoalkan soal ini akan mendatangkan keraguan (uncertainty) daripada syarikat-syarikat tersebut. Apakah ini

akan menjadi halangan? Saya menyatakan dalam industri insurans luar pesisir, walau sekecil mana pun halangan itu, ianya boleh menjejaskan terhadap perkembangan sebuah IOFC. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Meminta maklumat bukanlah mesti boleh dianggap sebagai halangan. Apa yang saya fahamkan tadi Yang Berhormat bangkitkan mengenai dengan pindaan kepada subseksyen 7 undang-undang ini yang mana keyakinan Yang Berhormat sebutkan tadi mungkin terjejas. Dan mengenai dengan apa Yang Berhormat cadangkan supaya diberi kelonggaran kepada syarikat 'underwriting', saya ingin nyatakan di sini bahawa tujuan pindaan akta ini ialah berperingkat-peringkat, untuk membaiki keadaan industri insurans berperingkat-peringkat. Dan saya ingin nyatakan di sini sepertimana yang saya jawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat tadi, peringkat-peringkat itu kita memberi keutamaan kepada syarikat pengurusan insurans dahulu.

Jadi, jikalau ianya dapat dibuktikan bahawa dengan memberi kelonggaran kepada syarikat 'underwriting' untuk membawa masuk banyak lagi syarikat insurans daripada luar negara maka ianya akan ditimbangkan kelak.

Jadi, di sini ingin saya tekankan bahawa ada kekeliruan sedikit di dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, misalannya Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka mungkin terkeliru apabila menyatakan kebimbangannya di atas pindaan seksyen 6 mengenai pengurangan daripada RM1 juta kepada RM300,000 keperluan modal dalam Akta Insurans 1996, Akta Insurans Domestik.

Sebenarnya di sini ingin saya menarik perhatian bahawa di dalam pindaan Akta Insurans ini, apa yang diturunkan di bawah seksyen 6 ialah syarikat kaptif insurans iaitu satu syarikat-syarikat yang menjadi subsidiary kepada syarikat-syarikat gergasi. Ianya

tidak merupakan syarikat insurans yang berdiri sendiri, jadi kekuatan modalnya adalah bukan bergantung kepada RM300,000 itu, ianya bergantung kepada kekuatan modal syarikat gergasi yang memiliki syarikat kaptif insurans itu.

Jadi di sini, soal falasafah Yang Berhormat dari Kota Melaka menanyakan tadi, sebenarnya kaptif insurans yang kita lakukan itu adalah syarikat yang disokong oleh syarikat-syarikat gergasi itu dan kita masih lagi, memastikan misalannya di Labuan ada reinsurance umpamanya masih lagi memerlukan modal RM10 juta, Life and General Insurance, modal yang diperlukan ialah RM7.5 juta dan ini membezakan di antara kaptif dan syarikat-syarikat insurans yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri meminta penjelasan, kalau setakat kaptif sahaja, adakah ini bermakna bahawa syarikat ibu akan menjalankan atau underwrite dengan izin, kaptif insurans tersebut?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tolong lagi sekali, saya tak berapa dengar.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi didukung oleh syarikat insurans gergasi, adakah kalau ada sebarang masalah timbul kalau ia tak dapat memenuhi liability atau obligationnya, ia akan ditanggung terus oleh syarikat ibu iaitu dengan jelas dan tanpa sebarang keraguan dari segi undang-undang?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jawabnya sememangnya boleh ditanggung terus oleh syarikat ibu sebab itu kita membenarkan tahap modal yang rendah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa 'boleh' atau 'mesti' itu satu perbezaan yang agak besar kalau 'boleh' itu terpulang kepada syarikat ibu tetapi kalau

‘harus’ dan ‘wajib’ tanpa pilihan ia akan ditanggung oleh syarikat ibu. So oleh sebab itu saya rasa masalah, saya ingat persoalan adalah penting sama ada kaptif insurans ini dianggap sebagai beroperasi dengan bebas dan terasing daripada syarikat ibu kerana kalau liability ini hanya akan ditanggung olehnya saya rasa ia akan ‘back to the square one’, dengan izin, tapi kalau tidak macam ini perasaan bimbang yang diutarakan oleh saya mungkin boleh diredakan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bawa balik mengenai dengan konsep kaptif ini. Jadi syarikat kaptif adalah untuk tujuan memberi ataupun menjaga syarikat di dalam kumpulan biasanya. Jadi liabilitynya hanya terhadap kepada kumpulan yang dimiliki misalannya satu syarikat gergasi daripada Amerika, captive insurans companynya itu hanya untuk syarikatnya saja, liabilitynya tidak menjangkau kepada orang-orang lain. Jadi inilah konsep kaptif, soal liability dengan orang lain tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan mengenai dengan syarikat kaptif untuk syarikat Malaysia, ingin saya nyatakan di sini perkara ini masih lagi di dalam kajian kerana buat masa ini Labuan-Re telahpun dimiliki oleh syarikat-syarikat besar Malaysia sepertimana Yang Berhormat sedia maklum pemilik-pemiliknya ialah Tenaga Nasional, HICOM dan lain-lain syarikat gergasi Malaysia. Besar kemungkinan Kaptif untuk syarikat Malaysia akan dibenar di masa akan datang, dan kerajaan akan membuat keputusan nanti apabila sampai masanya yang tertentu.

Yang Berhormat dari Labuan juga membangkitkan persoalan mengenai ‘Rent-a-captive’. Tuan Yang di-Pertua, memang sudah boleh dijalankan proses ini dan syarikat pengurus insurans kelak boleh mengurus Kaptif tersebut sebab sebagai satu dasar ini

dibenarkan. Dengan membenarkan pengurus insurans berurusan dengan syarikat insurans luar persisir, 'Rent-a-Captive' akan menjadi lebih aktif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soal kakitangan syarikat-syarikat insurans luarpersisir yang masih berada di Kuala Lumpur, ingin saya nyatakan bahawa mereka dibenarkan berada di Kuala Lumpur atas dasar marketing office sahaja iaitu kakitangan yang terhad kepada 4 orang. Kebanyakan syarikat insurans adalah kecil yang beroperasi di Labuan, ini kerana mereka tidak perlu mempunyai ramai kakitangan untuk menjalankan kegiatan insurans dan seperti syarikat kaptif kebanyakan kerjanya hanyalah di dalam hal book keeping sahaja bahkan di peringkat awal kaptif boleh diurus oleh pengurus insurans yang ada.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sipitang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Yang di-Pertua. Bercakap mengenai dengan Fasal 2 seksyen 6 mengurangkan modal kepada RM300,000 kita mengalu-alukanlah kerana mungkin ini akan memperbanyakkan lagi syarikat-syarikat insurans. Begitu juga dengan seksyen 32 memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan. Tetapi yang saya ingin persoalkan, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di kalangan kakitangan tadi. Kita membuat IOFC ini untuk pembangunan negara untuk menjadikan rantau kita sebagai rantau yang maju dan banyak peluang-peluang pekerjaan juga di wujudkan oleh kerana IOFC ini. Jadi apakah penglibatan rakyat Malaysia ataupun penduduk tempatan di samping pekerja-pekerja luar supaya penduduk tempatan bukan sahaja melihat perkembangan insurans di situ tetapi juga dapat belajar dan sekali gus mungkin kita juga dapat melibatkan diri di dalam

insurans pesisir di tempat-tempat lain yang dibuka di IOFC di bukan negara kita. Jadi apakah persediaan kerajaan ataupun rancangan-rancangan kerajaan supaya rakyat negara kita ini bukan sebagai penonton tetapi juga bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti. Jadi, misalannya kalau cerita-cerita di coffee house, di kedai-kedai kopi bukan cuma cerita pasaran tetapi juga ada sangkut paut dengan transport technology dan juga penglibatan dalam insurans-insurans ini?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan apakah limpahan kepada bandar-bandar di sekitar Labuan misalnya pekan-pekan di Sipitang yang berdekatan dengan Labuan, Kuala Penyu dan Kota Kinabalu sendiri apakah faedah ataupun kemudahan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat insurans tempatan supaya mereka boleh belajar ataupun melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang ditubuhkan di Labuan? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, selepas melawat Sipitang saya tidak tengok saya tidak dapat nampak apakah limpahan yang paling immediate kerana Sipitang masih lagi kawasan pedalaman seperti Padang Terap juga. Jadi apakah limpahan daripada industri insurans di Labuan dapat saya nyatakan di sini, saya masih belum lagi nampak.

Tujuan diadakan IOFC sepertimana yang kita semua sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk memperbanyakkan pemodal kewangan di dalam pasaran modal negara yang mana kita memberi segala kemudahan untuk dimasukkan modal kepada negara. Jadi, saya sendiripun tidak dapat menjawab di sini apakah limpahan-limpahan yang akan didapati dari kawasan-kawasan yang berdekatan tetapi dari segi limpahan employment, dari segi limpahan pembangunan Labuan itu sendiri, limpahan-limpahannya boleh dilihat, kalau hendak dilihat dari sektor insurans mungkin susah hendak dijawab tetapi kalau

Labuan itu sendiri dapat dibangunkan dengan adanya syarikat-syarikat insurans ini maka kita sedia maklum bahawa spin-off atau spill-over effect, dengan izin bukan sahaja kepada Sipitang yang berdekatan dengan Labuan tetapi keseluruhan negara yang mana pasaran kewangan negara dapat diperbesarkan dan dapat diperdalamkan untuk kemudahan keseluruhan sektor ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Labuan bangun.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang pemanjangan kelonggaran yang diberikan oleh LOFSA kepada syarikat-syarikat insurans luar pesisir di mana LOFSA membenarkan empat pekerja boleh berada di pejabatnya di Kuala Lumpur untuk tujuan pemasaran yang mana dua daripadanya harus terdiri dari pegawai ataupun eksekutif muda pemasaran, seorang driver dan seorang setiausaha. Saya dalam perbahasan tadi menyatakan sejauh manakah peraturan ini dipatuhi oleh syarikat-syarikat insurans yang terlibat.

Saya ambil contoh, saya difahamkan bahawa syarikat Labuan-Re mempunyai hampir 20 orang pekerja berada di pejabatnya di Labuan dan mungkin lebih dari 10 orang berada di pejabatnya di Kuala Lumpur termasuklah Ketua Eksekutif dan Penolong Ketua Eksekutifnya, dimanakah letak, persoalannya yang saya kemukakan berapa banyak syarikat yang mematuhi soal ini? Dan saya bukan sahaja itu, yang saya kkuatiri ialah kalau ini syarikat Malaysia yang berbuat demikian sudah tentu syarikat-syarikat asing juga akan mengikut langkah yang sama. Sepatutnya syarikat kepunyaan Malaysia

memberi contoh yang baik, menunjukkan contoh yang baik dan mengikut peraturan yang disediakan dan tidak melanggarnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Labuan, pada masa ini hanya Labuan-Re sahaja yang mempunyai kakitangan yang lebih daripada 4 di Kuala Lumpur yang lain semuanya telah mengikut arahan-arahan kita dan ini pun pihak LOFSA telah mengarahkan mereka supaya berpindah ke Labuan. Jadi kebimbangan Yang Berhormat itu telah pun diambil kira dan diperbaiki oleh pihak LOFSA sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ingin mengetahui ke manakah banyak wang yang di dapati daripada industri dadah di rantau ini pergi? Dan di dalam nada yang sama beliau menyatakan bahawa kita hendaklah dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendaklah membangun Labuan berasaskan kepada apa yang dipanggilnya dari segi, yang secara terhormat, bukannya secara kotor. Jadi di sini saya berasa keliru sedikit, Yang Berhormat hendak masukkan wang daripada dadah itu ke Labuan? Yang ini yang saya nak tanya? Sebab Yang Berhormat tanya mana wang itu banyak pergi? Saya tak tahu jawab, jadi kalau nak masuk Labuan kita tak bagi syarat-syarat untuk dimasukkan ke Labuan banyak yang akan saya sebutkan nanti.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya maksudkan ialah kita hendakkan Labuan IOFC mempunyai wang putih bukan wang hitam. Itu maksud saya. Wang putih dan wang hitam dan walaupun pihak kerajaan sudah berkali-kali mengatakan itu hanya bank-bank ataupun insurans-insurans yang mempunyai reputasi yang baik dibenarkan dengan itu kerajaan sudah puas hati wang putih sahaja akan dibenarkan dan bukan wang hitam. Kita tak mahu wang hitam.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kalau macam itu janganlah tanya ke manakah wang dadah ini pergi? Saya tak tahu, itu wang hitam, wang dadah ialah wang hitam. Kalau Yang Berhormat tanya kemanakah wang keuntungan yang dibuat secara halal oleh syarikat-syarikat pergi? Itu saya boleh jawab. Ianya kebanyakan daripada Hong Kong dan Taiwan banyak datang ke Labuan tapi mengenai dengan soal Labuan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi kemungkinan Labuan menjadi pusat money laundering, ini telah diinstitusikan oleh kerajaan melalui beberapa prosedur penyimpanan wang iaitu pusat-pusat kewangan di Labuan tidak boleh menerima cash ataupun tidak ada cash handling di Labuan, jadi urusan mestilah dibuat melalui inter-bank TT dan secara yang telus, secara yang kita mengetahui sumber wang itu datang. Oleh itu penjenayah tidak boleh mengguna Labuan sebagai point of entry untuk wang yang hitam yang disebut oleh Yang Berhormat dari Labuan.

Dan juga LOFSA telah mengenakan syarat yang ketat untuk bank-bank yang masuk ke Labuan, iaitu bank-bank tersebut hanya sekiranya mereka merupakan bank yang terbesar di dunia, bank yang mempunyai nama dan modalnya tidak kurang daripada US\$1 bilion. Jadi dengan adanya langkah-langkah ini ataupun cara ini kita mewujudkan satu rejim disiplin yang bukan saya hendak mengatakan kita boleh menahan keseluruhan wang kotor tapi yang boleh memanimakan kemasukan wang kotor ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah memberi empat cadangan, saya telah menerima empat cadangan itu dan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat membangkitkan soal perlu memberi lesen-lesen yang banyak, saya tahu Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat seorang pakar di dalam bidang insurans dia hendak lesen yang banyak, itu insya-Allah, kalau sampai masanya kita melesenkan yang banyak Yang Berhormat bolehlah meminta lesen ini. Yang Berhormat telah membawa satu persoalan

yang Yang Berhormat sendiri menjawabnya. Yang Berhormat mengatakan mengapakah Singapore yang mempunyai asas penginsuransan yang lebih kecil dapat industri insurans yang lebih besar daripada Malaysia. Yang Berhormat tadi menjawab bahawa ianya mempunyai infrastruktur yang extensive dan insentif jadi saya patah balik jawapan itu kepada Yang Berhormat dan betullah jawapan Yang Berhormat itu.

Mengenai pengaliran keluar yang disebut oleh Yang Berhormat memang betul, saya ingin menyatakan di sini kerajaan sedang mengadakan langkah-langkah yang tertentu dengan permulaan, sebagai langkah permulaan mewujudkan syarikat reinsurance yang masa ini sedang berjalan operasinya. Pada peringkat permulaan mungkin ianya agak lembab sedikit tetapi insya-Allah selepas ianya wujud beberapa tahun ianya akan dapat menjalankan kerja-kerjanya dengan baik dan dengan efektif.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab kebanyakan soalan-soalan dan isu yang dibangkit oleh 4 orang rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dan apa yang saya tak dapat jawab mungkin akan diambil perhatian oleh pegawai-pegawai yang ada di belakang saya dan kita harap dengan adanya pindaan kepada akta ini insya-Allah kita dapat memperbaiki lagi prestasi insurans luar pesisir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Labuan bangun.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara yang saya bangkitkan sebelum saya menggulung perbahasan tadi. Yang pertama saya ingin bertanya bahawa apakah kerajaan atau kementerian bercadang untuk menggubal beberapa seksyen dalam akta luar insurans luar pesisir, yang pertama ialah seksyen yang melibatkan atau yang membolehkan kewujudan syarikat insurans dan syarikat insurans semula ataupun 'pool' bagi syarikat insurans dan syarikat insurans

semula. Yang kedua, apakah kerajaan mempunyai cadangan bagi membolehkan underwriting langsung pada syarikat insurans domestik yang mana pada hari ini kita anggap bahawa insurans dalam sektor insurans motor di dalam negara ini menghadapi berbagai-bagai masalah dan liability yang banyak dan apakah boleh Labuan dibenarkan bagi mewujudkan underwriting kepada insurans domestik bagi mengurangkan beban yang dihadapi oleh syarikat-syarikat insurans domestik?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan di dalam penggulungan tadi ialah benda-benda yang saya tidak dapat jawab di sini akan dikajikan oleh pihak kerajaan dan cadangan Yang Berhormat akan dikaji dan jikalau perlu diadakan pindaan-pindaan di masa akan datang kita akan adakan pindaan itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN TERHAD LUAR PESISIR LABUAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.55 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi memperuntukkan undang-undang baru bagi penubuhan pengawalseliaan dan pembubaran, perkongsian terhadap luar pesisir dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ataupun LOFSA iaitu sebuah agensi sehenti yang bertanggungjawab memajukan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa ataupun IOFC sedang berusaha memperkemaskan struktur perundangan di Labuan untuk menarik minat lebih ramai pelabur mengambil bahagian secara aktif dalam kegiatan luar pesisir. Sehubungan itu adalah difikirkan perlu bagi kerajaan menggubal satu akta baru itu Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan yang merupakan salah satu aktiviti penting di IOFC Labuan di samping aktiviti perbankan dan insurans. Pada dasarnya akta tersebut bertujuan untuk mempelbagaikan bentuk perniagaan luar pesisir yang sedia ada di Labuan di samping memajukan Labuan sebagai sebuah IOFC yang berwibawa. Akta seumpama ini telahpun diperkenal di kebanyakan pusat kewangan luar pesisir terkemuka antarabangsa seperti di Jersey, Bahamas, Cayman Islands, Cook Islands dan Bermuda yang dipercayai berjaya menyumbang ke arah perkembangan pesat industri kewangan luar pesisir mereka.

Pada amnya tujuan utama penggubalan akta ini ialah seperti berikut:

1. Membenarkan penubuhan satu bentuk perkongsian baru yang berbeza dengan bentuk perkongsian yang sedia ada di dalam Akta Perkongsian 1961.

Di dalam Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir dua rakan kongsi yang dikenali sebagai rakan kongsi am dan terhad akan menubuhkan satu perkongsian terhad luar pesisir di mana rakan kongsi am di beri hak mengurus hal ehwal pentadbiran perkongsian serta liability terhadap hutang dengan kewajipan perkongsian yang tidak terhad manakala liability rakan kongsi terhad hanya dihadkan kepada jumlah dana yang dipersetujuinya sebagaimana terkandung dalam perjanjian perkongsian yang ditandatangani bersama dengan rakan kongsi am.

- (2) Memperkenalkan satu bentuk pelaburan baru untuk dana bersama ataupun dengan izin, mutual fund dan dana modal teroka, dengan izin, venture capital funds. Dua buah syarikat luar pesisir boleh membentuk perkongsian untuk sesuatu projek di mana sebuah syarikat bertanggungjawab menguruskan perkongsian dan sebuah syarikat lagi menyumbang dana untuk perkongsian.
- (3) Membenarkan bentuk pelaburan secara pasif di mana seorang rakan kongsi terhad tidak perlu memainkan peranan aktif dan hanya menjadi pelabur pasif dengan liability yang terhad ketika pelaburan itu dibubarkan.
- (4) Faedah percukaian di mana cukai yang dikenakan terhadap perkongsian terhad mempunyai beberapa ciri yang membolehkan individu mendapat faedah yang lebih meluas daripada Perjanjian Cukai Dua Kali (Double Taxation Agreement DTA). Sifat-sifat utama perkongsian terhad luar pesisir yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) peruntukan mengenai penubuhan perkongsian luar pesisir iaitu akta yang tersebut mengkehendaki supaya pendaftarannya dibuat dengan LOFSA melalui syarikat amanah di Labuan. Segala pindaan yang dibuat terhadap dokumen constituentnya hendaklah dimaklumkan kepada LOFSA dan segala hak serta tanggungjawab di antara seseorang rakan kongsi dengan yang lain adalah seperti yang terkandung dalam perjanjian perkongsian.

Pemastautin dibenar menjadi rakan kongsi selaras dengan persetujuan kerajaan membenarkan pemastautin memiliki syarikat luar pesisir. Bagaimanapun perkongsian tersebut adalah tertakluk kepada segala sekatan dan larangan yang terpakai ke atas syarikat luar pesisir;

- (ii) peruntukan mengenai jenis-jenis perkongsian terhad yang boleh ditubuhkan. Akta tersebut membenarkan tiga jenis perkongsian terhad luar pesisir ditubuhkan iaitu:

Perkongsian Terhad Am Luar Pesisir;

Perkongsian Terhad Profesional Luar Pesisir; dan

Perkongsian Terhad Projek Luar Pesisir.

Perkongsian di atas berbeza di antara satu sama lain dari segi jenis rakan kongsi yang boleh menubuhkan perkongsian, bentuk perniagaan yang boleh dijalankan dan cara pembubaran sesuatu perkongsian itu.

- (iii) peruntukan mengenai pengawasan. Pengawasan yang akan dibuat oleh LOFSA adalah berpatutan dan sejajar dengan konsep perniagaan luar pesisir, dengan itu sebarang perkongsian yang dibuat, ianya hendaklah memfailkan dokumen asas dengan LOFSA dari ketika penubuhan, perkongsian harus mengemukakan segala dokumen berkaitan sekiranya diminta oleh LOFSA;
- (iv) peruntukan melindungi rakan kongsi terhad. Akta ini memberi perlindungan kepada rakan kongsi terhad. Rakan kongsi terhad tidak terdedah kepada liabiliti perkongsian melainkan apa yang telah dipersetujuinya dalam perjanjian perkongsian itu. Ia juga tidak boleh disabitkan terhadap segala tindakan rakan am yang menyalahi mana-mana peruntukan akta ini;
- (v) peruntukan mengenai pembubaran perkongsian terhad. Sesuatu perkongsian boleh dibubarkan menurut peruntukan yang terkandung di dalam perjanjian perkongsian secara memfailkan notis pembubaran dengan LOFSA. Jika perkongsian itu digulung, penggulung ataupun dengan izin, liquidator tidak perlu dilantik dan penggulangan boleh dilakukan oleh rakan kongsi am. Prosedur pembubaran ataupun penggulangan perkongsian ini adalah murah, mudah dan cepat. Bagaimanapun jika penggulangan dibuat atas perintah mahkamah, penggulangan itu adalah tertakluk kepada sebarang perintah yang diputuskan oleh mahkamah tersebut;

- (vi) peruntukan mengenai fee ataupun bayaran upah. Mana-mana bayaran upah yang diperuntukkan dalam akta itu serta pembayaran-pembayaran lain akan menjadi hasil kepada LOFSA untuk membiayai kos operasinya;
- (vii) peruntukan mengenai kuasa menteri. Akta ini memberi kuasa kepada Menteri Kewangan mengecualikan mana-mana peruntukan akta kepada mana-mana pihak atau mana-mana peruntukan akta; dan
- (viii) peruntukan am. Akta ini mengandungi peruntukan mengenai kerahsiaan, perlindungan kepada kerajaan dan LOFSA terhadap tuntutan sivil, penalti bagi sesuatu kesalahan serta kuasa Pengerusi LOFSA mengkompau kesalahan tersebut dengan persetujuan Peguam Negara. Ia juga memperuntukkan kuasa LOFSA untuk menetapkan prosedur mengenai cara mematuhi mana-mana peruntukan yang tidak dijelaskan di dalam akta.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan memastikan kesinambungan pembangunan Labuan sebagai sebuah IOFC agar seiring dengan pembangunan yang terdapat di lain-lain IOFC dunia yang terkemuka serta memperkemaskan lagi struktur perundangan yang sedia terpakai di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memperuntukkan undang-undang baru bagi penubuhan, pengawalseliaan dan pembubaran perkongsian terhad luar pesisir dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

6.18 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di -Pertua, saya hanya ada dua perkara sahaja.

Di sini saya merujuk kepada seksyen 4(1) iaitu pendaftaran suatu perkongsian terhad luar pesisir. Saya ingin bertanya kalau dalam pendaftaran perkongsian terhad luar pesisir ini, adakah IOFC atau LOFSA akan menentukan negara asal pihak-pihak asing tersebut? Kerana kalau tidak ada apa-apa terhad atau sekatan, adakah ini bermakna bahawa negara-negara di mana Malaysia tidak mempunyai hubungai diplomatik pun boleh mendaftarkan diri dengan LOFSA dan juga terlibat dalam perniagaan dalam IOFC Labuan?

Saya merujuk kepada negara-negara yang Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik khususnya Israel. Adakah syarikat-syarikat daripada negara Israel boleh memasuki atau mendaftarkan diri sebagai perkongsian terhad luar pesisir atau menjadi salah satu rakan kongsi? Kalau ini dibenarkan sungguhpun kerajaan ingin mewujudkan satu alam yang bebas untuk IOFC, tetapi saya rasa ini bercanggah dengan dasar luar negara dan juga perjuangan kerajaan menentang kekejaman yang dibawa oleh rejim Israel terhadap rakyat Palestin. Kalau ini dibenarkan juga ia mungkin merupakan satu

loop hole yang membolehkan syarikat-syarikat daripada Israel memasuki dan berniaga di dalam Malaysia menerusi IOFC Labuan.

Saya ingat perkara ini juga menarik perhatian, lebih-lebih lagi bila ada orang kenamaan Malaysia yang pernah melawat Israel sungguhpun rakyat Malaysia tidak mempunyai hak untuk melawat negara tersebut dan lawatan ini adalah berdasarkan kepentingan-kepentingan perniagaan. Oleh sebab itu saya berharap boleh mendapat penjelasan tentang perkara ini, kerana kalau ada had macam mana kita boleh tentukan, adakah kita ada senarai mana-mana negara yang tidak dibenarkan berniaga dan juga kriteria yang dipakai, kerana selain daripada negara-negara tersebut, saya rasa kita harus membuat satu statement bahawa selain daripada negara Israel, negara-negara tertentu di mana keadaannya tidak terjamin dan kita tidak bersetuju dengan kerajaan tersebut, saya rasa kita tidak harus membenarkan syarikat daripada negara tersebut untuk melabur atau terlibat dengan IOFC.

Di rantau Asia umpamanya kita ada 'International Pariah' seperti Myanmar, di mana Malaysia tidak harus mempunyai apa-apa hubungan, sama seperti yang kita gunakan terhadap Afrika Selatan. Kalau kita benar-benar percaya tentang perjuangan demokrasi dan perjuangan hak asasi manusia, saya rasa kita tidak patut membenarkan apa-apa hubungan dengan rejim totalitarian Myanmar ini.

Perkara yang kedua, yang saya ingin bangkitkan secara ringkas - memandangkan kerajaan menumpukan usaha keras untuk menjayakan IOFC dan pada masa yang sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mempromosikan Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor). Adakah timbul pula macam pertindihan di antara MSC dan juga IOFC Labuan?

Di antara syarat-syarat bill of guarantees atau di antara flagsheet applications, terdapat 8 flagsheet applications yang ditawarkan untuk MSC. Satu daripadanya ialah pemindahan dana wang secara bebas, tetapi saya difahamkan bahawa flagsheet applications tersebut telah ditangguhkan atas alasan bahawa kerajaan bimbang mungkin ia akan menjejaskan usaha kerajaan menjayakan IOFC Labuan. Kalau ini benar, saya rasa mungkin kedua-dua tujuan tersebut mungkin tidak tercapai, kerana satu daripada unsur utama untuk menjayakan MSC ialah elemen perdagangan atau commercial elementnya, tanpa penglibatan institusi-institusi kewangan ataupun pengurus dana, di mana wang boleh dipindahkan dengan sekelip mata, dengan cepat dan tanpa kebebasan. Dalam perkara ini, saya rasa KRM atau Multimedia Super Corridor tidak boleh bersaing dengan apa yang ditawarkan oleh negara-negara jiran, khususnya di Singapura yang mempunyai projek Singapore One.

Kalau kita hendak menjayakan IOFC dan untuk menjayakan IOFC, kita seakan-akan mencacatkan MSC atau Koridor Raya Multimedia (KRM). Ini nampaknya mungkin bukan sahaja kedua-dua tidak tercapai, tetapi kita akan mensia-siakan wang yang sangat besar untuk mempromosikan kedua-dua mega projek ini. Oleh sebab itu, bolehkah saya dapat penjelasan daripada pihak kementerian macam mana kita boleh reconcile, dengan izin, kedua-dua pusat ini? Macam mana kita boleh memastikan kedua-dua ini sama-sama berjaya, kerana kalau dalam electronic commerce yang akan datang kelak, mungkin IOFC akan menjadi satu perkara yang ketinggalan zaman bila wang boleh dipindahkan dengan begitu cepat, dengan begitu senang, dengan begitu mudah dan murah, mengikut istilah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab itu, kalau ini berlaku dengan begitu banyak tumpuan, pelaburan dan juga perbelanjaan kapital atau modal yang dibuat oleh pihak kerajaan, adakah ini akan membawa pulangan yang

sewajarnya lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana pemindahan wang akan menjadi dengan begitu cepat, dengan begitu mudah dan murah.

Saya harap pihak kementerian boleh menjelaskan peranan yang akan dimainkan oleh IOFC dalam keadaan electronic commerce sekarang, kerana saya rasa alam semasa kita memperkenalkan IOFC Labuan iaitu saya ingat 5-6 tahun yang lepas atau 7-8 tahun yang lepas adalah sangat berlainan dengan keadaan sekarang, apabila IT dan electronic commerce menjadi begitu penting dalam semua perdagangan.

Seperti yang saya katakan tadi, adakah boleh dioutdated financial vehicle, bukankah lebih baik kalau kita tumpukan kepada MSC, tumpukan supaya pemindahan wang dibenarkan berjalan dengan bebas tanpa mempunyai apa-apa perasaan khuatir bahawa ia akan menjejaskan Labuan, kerana kalau tidak, bukan sahaja kedua-duanya tidak tercapai, yang lebih serius lagi usaha kita untuk leap-frog ke era maklumat akan terjejas. Saya rasa kita patut pilih, mana yang lebih penting sama ada MSC yang lebih penting atau IOFC Labuan? Kalau MSC lebih penting ia harus diletakkan di atas puncak keutamaan kita. Shall we put at the peak of our priorities - di atas puncak keutamaan kita.

Oleh sebab itu, saya ingin mempersoalkan rasional kerajaan meneruskan IOFC Labuan dan juga rela mengorbankan projek-projek lain demi menjayakannya. Lebih-lebih lagi dalam keadaan electronic commerce, IT yang berubah begitu cepat sekali. Bukankah mungkin satu hari konsep IOFC pun tak terpakai langsung pada masa kelak. Saya harap perkara ini boleh dijelaskan oleh pihak kementerian. Saya juga ingin dapat tahu apakah jumlah wang yang telah dilabur oleh pihak kementerian untuk membangunkan IOFC Labuan setakat ini? Adakah pelaburan yang dikeluarkan oleh - ataupun apakah wang pembangunan yang dikeluarkan oleh pihak kementerian dan Kerajaan Pusat setakat ini untuk membangunkan Labuan sebagai satu IOFC? Kerana

saya rasa kita boleh dapat secara kasar tentang perbelanjaan yang telah dibuat sama ada ia adalah dengan izin, viable and feasible project, seperti yang saya nyatakan tadi kita mahu Labuan menjadi reputable, not disreputable. But you want Labuan, dengan izin, to be viable and feasible, not a drain to our financial. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Labuan.

6.17 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk turut sama dalam membahaskan suatu Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997. Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri agar dapat menganjurkan lawatan sambil belajar ke Wilayah Persekutuan Labuan, khususnya bagi memberikan gambaran serta penerangan tentang apa dia IOFC itu kepada rakan-rakan Ahli Parlimen. Ini saya cadangkan kerana memandangkan tidak ramai daripada rakan-rakan kita khususnya daripada Barisan Nasional yang berminat untuk turut serta dalam membahaskan mana-mana rang undang-undang yang dikemukakan yang ada hubung kait dengan IOFC ini. Ini bukan kerana mereka tidak berminat, tetapi mungkin tidak dapat mengikut tentang perkembangan IOFC itu. Kalau boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menganjurkan lawatan satu atau dua hari ke Labuan, saya rasa pihak LOFSA tidak berkeberatan untuk menjadi tuan rumah kepada Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan Labuan sudah pun berfungsi sebagai sebuah IOFC bermula daripada 1hb. Oktober 1990. Semenjak itu, beberapa undang-undang telah pun diperkenalkan dan pinda dari masa ke semasa mengikut keperluan industri ini supaya Labuan maju sebagai IOFC yang berwibawa. Saya mengalu-alukan

segala usaha pelbagai hala yang telah dilakukan oleh kerajaan dan Lembaga Pembangunan Labuan sebelum ini dalam membuat promosi dan memasarkan IOFC Labuan. Kini seperti yang kita sedia maklum, dengan tertubuhnya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir (LOFSA) yang merupakan sebuah agensi sehentian dipertanggungjawabkan bagi memajukan Labuan sebagai sebuah IOFC sedang giat berusaha bagi memperkemaskinikan infrastruktur perundangan serta berusaha bagi mempelbagaikan bentuk perniagaan luar pesisir yang bertujuan untuk menarik minat pelabur mengambil bahagian dalam kegiatan IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penonton kepada kegiatan IOFC, walaupun satu set perundangan yang jelas telah disediakan, satu prasarana komersial dibangunkan, satu prasarana telekomunikasi yang terbaik disediakan dan beroperasi pula di sebuah pulau yang aman, tenteram dengan udara yang menyamankan - tengoklah kepada pegawai-pegawai kita daripada LOFSA yang berada di belakang, terutamanya Ketua Pengarah LOFSA ini yang masih kelihatan segar, macam baru berusia 20-an.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mahu saya paparkan di sini ialah walaupun hampir kesemua keperluan telah pun disediakan sama ada dalam bentuk perundangan, prasarana dan persekitarannya, dan dengan hanya mengambil kira kebaikan dan keuntungan seperti regim percukaian yang rendah, kos operasi perniagaan yang rendah, dan kalau dibanding dengan Singapura dan Hong Kong, namun sambutan daripada kalangan market players adalah di bawah ekspektasi kita semua seperti yang saya nyatakan dalam perbahasan saya sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bijaksana, apakah yang sebenarnya yang menyebabkan short falls ini, dan mengapakah kemasukan pelabur ke Labuan begitu perlahan? Dalam konteks ini,

apakah penekanan yang dilakukan oleh kerajaan khususnya bagi meletakkan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan serantau yang bakal menyaingi Hong Kong dan Singapura telah membayangi kemunculan Labuan sebagai IOFC? Usaha yang dijalankan oleh kerajaan ke arah meliberalisasikan peranan atau pasaran modal Malaysia dan dengan pembukaan sektor kewangan tempatan kepada luar menghasilkan impak yang negatif terhadap keutuhan IOFC Labuan. Walaupun kedua-dua mempunyai produk yang berbeza, dan apakah yang kita harapkan ialah kedua-dua ini boleh complement di antara satu dengan lain dan bukannya mewujudkan suatu persaingan.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang Perkongsian Luar Pesisir Terhad Labuan 1997 adalah dialu-alukan. Dengan pembentangan akta ini, akan dapat memperkenalkan satu lagi bentuk perniagaan luar pesisir dan undang-undang seperti ini juga terpakai seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi di kebanyakan pusat-pusat kewangan luar pesisir yang sudah maju di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini pada anggapan saya adalah merupakan pertambahan produk atau bagi memperbanyakkan lagi produk IOFC atau sebagai industry vehicle, dengan izin, dan menambahkan keistimewaan Labuan untuk berfungsi sebagai pusat kewangan luar pesisir yang kompetitif berbanding dengan IOFC yang lain. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, rang undang-undang ini ialah bagi membolehkan penubuhan perkongsian yang terdiri dari rakan kongsi am dan rakan kongsi terhad. Akta ini juga memberi peruntukan di mana dua syarikat luar pesisir boleh membentuk perkongsian untuk suatu projek, dan ia juga akan memberikan fleksibiliti di mana seorang rakan kongsi tidak perlu memainkan peranan aktif, dan akta ini akan memudahkan proses mendapatkan semula atau mendapat kembali modal yang telah dilaburkan yang mana ianya agak susah untuk dilakukan oleh syarikat

bukan dalam bentuk perkongsian luar pesisir. Di samping itu, ia juga membolehkan pelabur bagi mendapatkan faedah cukai dari negara asal pelabur tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah agak standard yang digunapakai di kebanyakan IOFC. Ianya mudah difahami dan jelas kandungannya, tetapi mempunyai implikasi yang amat baik ataupun implikasi yang positif dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan aktiviti-aktiviti luar pesisir serta mempertingkatkan daya saing pulau tersebut untuk muncul sebagai IOFC yang terunggul di rantau ini.

Dalam konteks pembangunan IOFC, suatu perkara yang sering dipersoalkan dan masih hangat diperbincangkan ialah soal percukaian yang kadangkala boleh melemahkan kemasukan mereka yang berhajat untuk menggunakan Labuan. Kerana cukai yang dikenakan pada hari ini adalah berbentuk pembayaran sukarela ataupun 'voluntary innature'. Ini adalah merupakan isu fundamental dan ini hanya boleh diselesaikan oleh pihak kerajaan melalui forum 'G' to 'G'. Saya ingin tahu apakah perkembangan mutakhir dalam skop Double Taxation Agreement (DTA) yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kelangsungan kita sedang membicarakan tentang percukaian ini, ada syarikat-syarikat luar pesisir yang mahukan satu struktur percukaian yang fleksibel. Ini bertujuan bagi membolehkan syarikat-syarikat yang berkenaan boleh memilih kadar cukai yang bersesuaian dengan strategi pelaburan mereka dan berasaskan kepada kadar 3% yang paling minimum dan ke atas. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan mempunyai cadangan untuk mengadakan suatu struktur percukaian yang fleksibel kepada syarikat-syarikat luar pesisir?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sudah mempunyai prasarana yang mencukupi dari segi perundangan, namun kerajaan juga perlu melihat faktor-faktor lain ke arah memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti yang berjalan di Wilayah Persekutuan Labuan. Maka dengan itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah insentif sebanyak 50% rebatement kepada pendapatan yang diperolehi oleh expatriate yang selama ini boleh dipanjangkan kepada warganegara Malaysia yang berkhidmat dalam sektor ataupun dalam industri IOFC. Ini saya anggap sebagai suatu perkara yang penting, kerana ramai berpendapat bahawa Labuan masih lagi mempunyai kekurangan dalam berbagai bentuk dan para pekerja yang terpaksa berpindah ke Labuan terpaksa meninggalkan kehidupan yang selesa, prasarana ataupun environment yang lebih baik daripada Labuan dan juga terpaksa meninggalkan keadaan yang serba canggih di tempat asal mereka bekerja dan terpaksa bertugas di Labuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk perbahasan sudah cukup. Minta sambung esok.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.